



MALAYSIA

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 1645]
Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 1645]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1646]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN 18 (2) [Ruangan 1702]

KENYATAAN PERDANA MENTERI:

Lawatan Rasmi ke Republik Rakyat China [Ruangan 1703]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 1707]

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG [Ruangan 1711]

USUL-USUL:

Akta Eksais, 1961—

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1974 [Ruangan 1724]
Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7), 1974 [Ruangan 1726]
Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1974 [Ruangan 1728]

Ordinan Eksais, Sabah No. 18 Tahun 1959—

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1974 [Ruangan 1729]
Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1974 [Ruangan 1729]
Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1974 [Ruangan 1730]

KANDUNGANNYA—(sambungan)

Ordinan Eksais, Sarawak—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1974 [Ruangan 1730]

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1974 [Ruangan 1730]

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1974 [Ruangan 1735]

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10), 1974 [Ruangan 1727]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4), 1974 [Ruangan 1727]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1974 [Ruangan 1730]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1974 [Ruangan 1731]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1974 [Ruangan 1733]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1974 [Ruangan 1733]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1974 [Ruangan 1736]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1974 [Ruangan 1737]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Pasukan Keselamatan—

Kepercayaan Penduduk Kuala Kangsar [Ruangan 1738]

DICETAK OLEH

MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, J.S.M., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMIANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1974

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Rabu, 17hb Julai, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- [Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Kewangan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).

Yang Berhormat DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ 'TUAN V. DAVID (Datuk Keramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALIENG (Rejang).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

Yang Berhormat TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DATUK DR MOHAMED BIN TAIB, J.M.N., P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TAUN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN A.M.P. (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).

Yang Berhormat TUAN SU LIANG YU (Bruas).

- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.
(Sungai Siput).

- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P.
(Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG DI- PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat yang lalu. Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Akta Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (Pindaan), 1974;
- (2) Akta (Perbadanan) Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan (Pindaan), 1974;
- (3) Akta Pemegang Amanah Raya (Pindaan), 1974;
- (4) Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan), 1974;
- (5) Akta Perlindungan Pihak-berkuasa Awam (Pindaan), 1974;
- (6) Akta Cukai Jualan (Pindaan), 1974;
- (7) Akta Cukai Pendapatan (Carum dan Pembayaran Balik Stok Penimbal Timah), 1974; dan
- (8) Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat tempoh hari.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

- (1) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (Pindaan);

- (2) Rang Undang-undang (Perbadanan) Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Pemegang Amanah Raya (Pindaan);
- (4) Rang Undang-undang Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan);
- (5) Rang Undang-undang Perlindungan Pihak-berkuasa Awam (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan);
- (7) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Carum dan Pembayaran Balik Stok Penimbal Timah); dan
- (8) Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan.

Tandatangan:

Yang di-Pertua Dewan Negara”.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

1. Datuk James Wong Kim Min minta Perdana Menteri menyatakan apakah jaminan-jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Republik Rakyat China, semasa lawatan beliau baru-baru ini ke Peking yang bermunafaat kepada Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Tuan, saya akan membuat suatu kenyataan mengenai lawatan saya ke Republik Rakyat China selepas masa soal-jawab ini. Oleh itu, perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam soalan ini dan juga soalan-soalan No. 4 dan 6, akan diterangkan dalam kenyataan itu.

WAKIL-WAKIL PEMBANGKANG KE CHINA

2. Datuk James Wong Kim Min minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab-sebabnya jika ada, maka dalam rombongan beliau melawat China baru-baru ini tidak ada wakil-wakil pihak Pembangkang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, keputusan mengadakan hubungan Diplomatik dengan Republik Rakyat China adalah keputusan Kerajaan dan oleh itu adalah

menasabah dari segi politik bahawa Rombongan saya itu mengandungi hanyalah wakil-wakil parti dalam Barisan Nasional.

Datuk James Wong Kim Min: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, may I ask the Honourable Prime Minister, in view of the fact that his recent visit to China was a very historic one and the first goodwill visit from a Prime Minister of Malaysia to China, whether he doesn't think that it would present a very good image of Malaysia to China and to the world to have had a representative from the Opposition in the entourage?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir rombongan yang saya bawa ke Negeri China itu adalah memberi imej yang sangat baik kepada negara kita.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan kepada Dewan ini bahawa rombongan yang mengikuti beliau pergi ke Republik Rakyat China ialah rombongan daripada National Front atau rombongan daripada Malaysia?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, rombongan itu daripada Malaysia iaitu rombongan Kerajaan, sebab parti-parti dalam Barisan Nasional adalah mendokong Kerajaan sekarang ini. Jadi parti-parti itulah yang berhak mewakili Kerajaan Malaysia yang ada sekarang ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat ke Republik Rakyat China, Setiausaha Parti Kesatuan Insaf Tanah Air ada meminta izin daripada Yang Berhormat Perdana Menteri melawat Negeri China, tetapi jawab yang Amat Berhormat Perdana Menteri—beliau hendak pergi dahulu. Sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melawat Negeri China dan telah balik. Bolehkah ahli-ahli Parti Kesatuan Insaf Tanah Air melawat Negeri China sekarang?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu bolehlah ditimbang selepas kita telah menukar kedutaan di antara dua negara ini.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan tadi selepas kita menukar duta antara Peking dan Kuala Lumpur, maka orang ramai yang hendak pergi ke Republik Rakyat China boleh mendapat peluang. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan sekarang apabila seseorang hendak melawat ke Republik Rakyat China dikehendaki mengisi bermacam-macam borang dan diasas latar belakangnya 30-40 tahun yang lalu. Tetapi selepas pertukaran duta ini bolehkah beliau mengatakan Kerajaan boleh mempercepatkan permohonan daripada orang ramai untuk melawat ke Republik Rakyat China.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sudah ada perhubungan diplomatik dengan Negeri China tentulah lawatan di antara dua buah negara itu akan dipercepatkan, sebab masalaah visa dan sebagainya akan mudah didapati.

Dr Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah benar Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Segamat Selatan, Tanjung dan Menglembu hendak menyertai rombongan pergi melawat Peking, tetapi mereka tidak diizinkan walaupun mereka ketua-ketua parti dalam National Front. Apakah sebabnya?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, rombongan itu, saya kata tadi rombongan Kerajaan. Saya sebagai Ketua Kerajaan berhak memilih siapa juga yang saya suka hendak memasuki rombongan itu. (*Tepuk*).

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan pergi ke Negeri China lagi, dan jikalau beliau hendak pergi bolehkah beliau include Ahli Pembangkang?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, itu bolehlah saya timbangkan bila sampai masanya.

Datuk James Wong Kim Min: Mr Speaker, Sir, may I ask the Honourable Prime Minister whether discussions were made by the Prime Minister during his recent visit regarding the Malaysians who have gone back to China before; and now that diplomatic relations have been established

with China, whether these Malaysians of Chinese origin who were born in Malaysia and who went back before diplomatic relations were established would be given a chance to come back to Malaysia again?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi perkara-perkara yang saya bincangkan dengan ketua-ketua Kerajaan Republik Rakyat China akan diterangkan dalam kenyataan yang saya akan buat sebentar lagi.

TUNTUTAN BRUNEI ATAS LIMBANG

3. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kedudukan sekarang tentang tuntutan Brunei ke atas Limbang dan apakah langkah Kementerian beliau telah ambil untuk menentukan supaya peperangan mulut antara Ketua Menteri Sarawak dan Seri Begawan, Brunei, sekarang tidak akan mendatangkan akibat buruk kepada keamanan Asia Tenggara pada masa sekarang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum apa yang disebutkan tuntutan ke atas Limbang itu tidak mempunyai apa-apa asas dan oleh yang demikian soal perundangan atas perkara itu tidak timbul.

Berhubung dengan perkara peperangan mulut itu pula, sebagaimana yang saya telah terangkan dalam persidangan Parlimen yang lalu, reaksi dari Ketua Menteri Sarawak itu adalah akibat dari ucapan-ucapan yang provokatif oleh Seri Begawan. Sekiranya tidak terdapat kenyataan-kenyataan dan ucapan-ucapan seperti itu dari Brunei, kita bolehlah menjangka yang keadaan itu akan bertambah baik.

Awang Bungsu bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendapat tahu perkara pelarian rakyat Seri Begawan, Brunei, ke Limbang? Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang telah lari dan meminta perlindungan Kerajaan Malaysia kita telah memberi perlindungan kepada mereka itu.

Awang Bungsu bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini arahan dari Kerajaan Persekutuan bahawa orang pelarian dari Brunei ini harus mencampuri tangan dalam hal politik negara Malaysia, kerana saya dapat tahu mereka belum mendapat warga-negara Malaysia?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka itu bukan warganegara Malaysia, mereka itu tentu tidak dibenarkan campur tangan hal politik Malaysia.

Awang Bungsu bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, adakah tindakan akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia kepada mereka ini yang sudah mencampuri hal ehwal politik dalam Bahagian Kelima, kerana seorang pemimpin iaitu Yassin Affandi telah datang memberi tahu kepada kawan-kawan mereka yang lama iaitu masa Pemberontakan 1962. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengambil tindakan yang tegas pada mereka itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada kenyataan-kenyataan yang jelas di atas hal ini Kerajaan akan mengambil perhatian.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa perbalahan yang timbul sedikit-sebanyak antara Ketua Menteri Sarawak dengan Seri Begawan, Brunei itu adalah akibat daripada curiga dari pihak Brunei dengan sebab ramai rakyat Brunei sekarang ini bercita-cita hendak merdeka. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar dan adakah Malaysia bersetuju dengan kehendak rakyat Brunei supaya Brunei mendapat kemerdekaan pada masa yang akan datang?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soal rakyat Brunei berkehendakkan kemerdekaan itu soal mereka sendiri. Saya fikir ini tidak ada kena-mengena dengan kita dan kita tidak patut campur tangan. Kalau mereka itu berkehendakkan kemerdekaan terpulanglah kepada mereka mengambil apa juga langkah yang difikirkan patut.

Tuan Mustapha bin Hussain: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tuntutan Brunei, Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak, pada awal bulan lalu ada memberitahu iaitu

Brunei ada menuntut satu daerah yang bernama Baram. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu adakah benar Brunei membuat tuntutan itu atau Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak sengaja menonjol-nonjolkan tuntutan itu sebagai batu api.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tuntutan rasmi yang dibuat ialah kepada Daerah Limbang. Saya tidak tahu samada kemudian daripada itu Seri Begawan dengan telatahnya menuntut Daerah Baram. Yang saya tahu mengikut keterangan yang diberi melalui Kerajaan Britain ialah tuntutan terhadap Limbang.

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan Ahli Yang Berhormat daripada Seberang Tengah supaya pergi ke Sarawak dan duduk Ulu Baram untuk beberapa waktu, dan mendengar radio daripada Brunei mengenai tuntutan Seri Begawan ke Merudi. Selama ini saya ketahui Ahli Yang Berhormat itu tidak tahu langsung bagaimana rupa Sarawak. (*Ketawa*)

Perdana Menteri: Saya fikir elok juga kalau Ahli Yang Berhormat itu suka hendak pergi. (*Ketawa*).

Tuan Mustapha bin Hussain: Tuan Yang di-Pertua, untuk penerangan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan tidak boleh. Soalan boleh.

Tuan Mustapha bin Hussain: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua.

Awang Bungsu bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu perkara perlarian rakyat Brunei ke Limbang dan Kerajaan memberikan layanan istimewa kepada mereka daripada orang tempatan? Yang pertama berkenaan dengan budak-budak sekolah dihantar dengan VIP bus.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak dengar soalan.

Awang Bungsu bin Abdullah: Ini soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya?

Awang Bungsu bin Abdullah: Kerajaan lebih memberikan layanan keistimewaan kepada orang perlarian daripada orang tempatan, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya tahu budak-budak sekolah tempatan layanannya adalah sangat buruk. Orang perlarian ini mendapat layanan cukup istimewa dengan mendapat pakaian, kasut dan stocking semuanya diberi oleh Kerajaan dan VIP bus menghantar murid-murid ke sekolah pergi dan balik. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Persekutuan Malaysia kita terhadap hal ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya hairan Ahli Yang Berhormat dari pihak SNAP nampaknya selalu mengambil berat di atas hal ini dan kurang mengambil perhatian hal-hal dalam negeri. Setahu saya kita berikan layanan kepada mereka itu adalah layanan yang biasa kita beri kepada orang-orang pelarian yang meminta pertolongan daripada kita; kita tidak berikan layanan lebih daripada itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, masalah berkenaan dengan Limbang selalu ditimbulkan di Dewan Rakyat ini, masalah ini tidak boleh diselesaikan. Di dalam Persidangan Parlimen yang lepas saya ada bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apa sebabnya beliau tidak hendak mengadakan perundingan dengan Sri Begawan, Brunei. Bolehkah Kerajaan memberitahu Dewan ini bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Sri Begawan, Brunei akan berunding, dan jikalau Kerajaan Malaysia tidak boleh buat seperti itu, Parti Kesatuan Insaf Tanahair boleh. Adakah Kerajaan boleh menerima cadangan kami?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak berbangkit dalam soalan ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan tentang taat setia Ahli-ahli Dewan dan rakyat negeri ini dalam hal-hal yang berkaitan seperti ini kerana sepatutnya kita dalam satu negara yang merdeka menumpukan taat setia kepada negara; maka sudah tentu kita akan menyokong kedudukan dalam negara kita, tetapi ada di antara

mereka sebaliknya. Bolehkah Yang Amat Berhormat menerangkan tentang keadaan taat setia mereka kepada negara kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu. Akan tetapi, terpulanglah kepada pihak Pembangkang, pihak Ahli SNAP memikirkan perkara ini.

Datuk James Wong Kim Min: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, is the Honourable Prime Minister aware that there is considerable dissatisfaction in the Fifth Division, and indeed in Sarawak, over the special treatment which was given to the so-called Brunei refugees who have come to the Fifth Division, because this special treatment is not accorded to our Malaysian citizens themselves? May I ask the Prime Minister whether this special treatment is a form of inducement to encourage Brunei refugees to come to Limbang?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi atas soalan ini. Kita beri pertimbangan yang biasa. Saya fikir kalau Ahli Yang Berhormat itu seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Dungun tadi memberi sokongan kepada Kerajaan di atas hal ini dan menunjukkan taat setia yang penuh kepada negara ini, masalaah ini tidak akan bertambah berat lagi.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar keseluruhan rakyat Sarawak menuntut Limbang itu sebagai sebahagian daripada Negeri Brunei dan yang kedua adakah sebenarnya rakyat Sarawak itu menyintai kepada kemerdekaan negaranya, kerana baru-baru ini

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Menteri Sarawakkah atau Brunei?

Tuan Hashim bin Gera: Brunei, saya minta maaf. Baharu-baharu ini saya telah melawat Negeri Brunei selama 3 hari, maka saya dapati penduduk-penduduk Brunei tidak ada bercakap politik, barang siapa bercakap politik di bandar, di pekan dan di masjid semuanya kena tangkap. Jadi, bagaimana kita mengatakan rakyat Brunei itu menuntut kemerdekaan dan hendakkan tanah Limbang itu. Jika sekiranya berita

radio tidak benar—radio ini maklum sahaja—lah kabar angin—lebih baik tidak usah kita layan perkara Limbang dalam Parlimen, kerana membuang masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Habis?

Tuan Hashim bin Gera: Adakah Kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak melayan soal-soal itu dalam Parlimen ini, kerana membuang masa sahaja. Orang di sana tidak menuntut, kita pula yang lebih: Hidung tidak mancung, pipi tersorong-sorong (*Ketawa*). Buat apa?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas keterangan yang diberikan kepada Dewan ini.

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beberapa bulan yang lalu dalam satu persidangan Ahli Yang Berhormat dari Limbang telah berkata bahawa kita tidak harus melakukan sesuatu untuk meruncingkan perhubungan di antara rakyat Limbang dan rakyat di Brunei kerana mereka bersaudara. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, betulkah atau tidak bahawa layanan yang diberi kepada mereka yang lari ke Limbang ini adalah layanan yang diberi mengikut dari segi humanitarian principle. Anak-anak yang lari dengan tidak ada baju sekolah, tidak ada sepatu, ada perempuan yang lari bawa anak, yang hanya berumur 5 hari, kemudian yang lain lari meninggalkan bermacam-macam harta mereka di belakang kerana takut ditangkap. Dengan hal yang demikian, bukanlah wajar bagi pemerintah untuk melayani mereka ini sebelum mereka ke sekolah diberikan sepatu dan baju hanya setakat itu sahaja, dan juga benarkah atau tidak bas yang digunakan oleh anak-anak sekolah untuk mereka pergi berbatu-batu jauhnya itu bukan bas VIP, tetapi adalah bas biasa sahaja.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu, kerana beliau lebih tahu daripada saya lagi (*Ketawa*).

Awang Bungsu bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Payang

memang betul, saya bercakap dalam Dewan ini rakyat Brunei dan rakyat Limbang tidak dapat dipisahkan. Jadi, saya hendak tahu dasar Kerajaan Malaysia terhadap rakyatnya, kerana mengapa diberi lebih layanan kepada orang pelarian daripada orang tempatan? Seperti kata pepatah: kera di hutan disusui, anak di pangkuan mati kelaparan (*Tepuk*). VIP bas yang dikatakan itu, saya tahu daripada Tuan Residen, Pegawai-pegawai Kerajaan yang tertinggi sahaja menggunakan bas ini. Walaupun bas itupun sangat buruk, bas secondhand pergi dari Kuching ke Limbang, tetapi nama bas itu VIP bas. Apa sebab Kerajaan menyediakan bas ini untuk orang pelarian, sepatutnya sama tinggi sama rata diberi kepada orang tempatan.

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Apa soalan tambahannya, Tuan Yang di-Pertua?

Awang Bungsu bin Abdullah: Ini penjelasan yang betul, Tuan Yang di-Pertua. Saya sendiri melihat mereka itu menggunakan VIP bas, orang-orang pelarian ini jikalau ada Hari Ibubapa mereka ini menggunakan VIP bas juga; arahan dari Tuan Residen.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehkah Ahli Yang Berhormat itu berjumpa dengan Ahli Yang Berhormat dari Payang itu bercakap berdua-dua, bertanya pada beliau sendiri, kerana hendak menjimatkan masa Parlimen ini?

Awang Bungsu bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, ini penjelasan saya dalam Dewan ini. Saya mahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil tindakan perkara ini supaya jangan berlaku lagi. Itu maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah itu soalan atau arahan?

Awang Bungsu bin Abdullah: Itulah soalan saya daripada mula tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menjelaskan bagaimana dasar Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah panjang sangat, saya pun sudah keliru. (*Ketawa*).

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan orang-orang Brunei yang masuk ke Malaysia, Kerajaan Malaysia sudah memberi political asylum berkenaan dengan orang-orang di situ. Soalan saya ialah bolehkah Kerajaan Malaysia memberi political asylum kepada orang-orang Melayu dari Patani, Yala dan Naradhiwat apabila mereka hendak masuk ke Malaysia serupa dengan Brunei?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sendiri tahu, itu soalan lain.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, kalau tak bertanya tak tahu.

Datuk James Wong Kim Min: Mr Speaker, Sir, may I ask the Prime Minister whether there is any truth in recent reports that the Chief Minister of Sarawak was responsible for the distribution of leaflets to Brunei?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak berapa dengar. Ulang sekali lagi!

Datuk James Wong Kim Min: I am asking, Sir, whether the Prime Minister can confirm or otherwise the accusations made in an overseas Press recently that the Chief Minister of Sarawak was responsible for the distribution of leaflets to Brunei?

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: I have already denied the allegations in my press release in Kuching.

Perdana Menteri: Ini satu tuduhan yang mischievous dan irresponsible dan tidak patut dibuat di sini.

CHIN PENG

4. **Dr Tan Chee Khoo** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau berunding dengan Pengerusi Moa Tse-tung mengenai Chin Peng dan rakan-rakannya dan jika ya, apakah persetujuan yang telah dicapai.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini pun akan dibangkitkan di dalam kenyataan yang saya akan beri selepas masa soal-jawab ini.

PEMBUNUHAN TAN SRI ABDUL RAHMAN HASHIM

5. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan samada benar beliau telah menyatakan bahawa pembunuhan Tan Sri Abdul Rahman Hashim telah dilakukan oleh "anasir-anasir anti-nasional" dan jika ya, jelaskan kenyataan itu.

Perdana Menteri: Tuan yang di-Pertua, ya, kenyataan itu benar. Meskipun istilah "anti-nasional" digunakan lazimnya terhadap anasir-anasir komunis dan sabversif tetapi dalam lingkungan itu termasuklah juga anasir-anasir penjenayah yang melakukan perbuatan-perbuatan jahat bertentangan dengan undang-undang negara. Perbuatan mereka itu, seperti pembunuhan kejam Allahyarham Tan Sri Abdul Rahman Hashim, tidak lain dan tidak bukan bertujuan hendak menimbulkan kacau bilau di dalam negeri dan menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan. Oleh yang demikian, tentulah Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa sesiapa jua yang melanggar undang-undang negara adalah boleh disifatkan "anasir-anasir anti-nasional".

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan apakah kemajuan (progress) terhadap usaha penangkapan orang-orang yang membunuh Allahyarham Tan Sri Abdul Rahman Hashim?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, siasatan sedang dijalankan, belumlah dapat ketentuan lagi.

Tuan Hashim bin Gera: Dari segi anti nasional itu, adakah Kerajaan menganggap bila seseorang itu bercakap untuk memper-tahankan hak bangsanya maka ia dianggap anti-nasional juga oleh Kerajaan? Misalnya, saya memperjuangkan hak orang Melayu dan menentang apa yang dibuat oleh Barisan Nasional, adakah saya dianggap anti-national?

Perdana Menteri: Tuan yang di-Pertua, saya telah jelaskan taksiran anti-nasional tadi. Saya fikir, kalau Ahli Yang Berhormat ada was-was dalam perkara ini, eloklah ia menyokong Barisan Nasional.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, Berkenaan dengan pembunuhan I.G.P., saya hendak bertanya Perdana Menteri biasanya apabila seseorang mata-mata gelap (detective), Special Branch dibunuh di Malaysia, curfew ada diisytiharkan di kawasan itu, tetapi bagi seorang yang penting seperti I.G.P. apabila dia dibunuh, apakah sebabnya tidak diisytiharkan curfew? Itu saya hendak tahu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara curfew itu adalah menurut keadaan tetapi kali ini difikirkan oleh kerana Kuala Lumpur adalah suatu bandar yang besar, dan tidak perlu diadakan curfew, maka siasatan lain boleh dijalankan dengan tidak diadakan curfew.

Tuan Ng Hoe Hun: Kalau Kerajaan mengadakan curfew, orang yang membunuh I.G.P. itu mungkin boleh ditangkap. Saya tidak mendapat penjelasan berkenaan pertanyaan saya, bolehkah Perdana Menteri memberikan penjelasan sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Keterangan apa lagi? Perdana Menteri telah menerangkan bahawa dalam kawasan Kuala Lumpur ini payah hendak diadakan curfew, dan dengan sebab itu tidak diadakan, tetapi langkah-langkah lain yang lebih elok lagi telah diambil.

Tuan Ng Hoe Hun: Baik, Tuan Yang di-Pertua, soalan lain. Dalam satu character sketch pada orang-orang yang membunuh I.G.P. pihak Polis beri discription: orang itu tingginya 5 kaki 2 inci, rambut panjang dan warna baju dia pakai, dan orang itu dikatakan setengah Melayu setengah Cina. Jika Kerajaan boleh tahu orang itu tingginya 5 kaki 2 inci, apa sebab Kerajaan tidak tahu pembunuh itu Melayu atau Cina. Bolehkah Kerajaan beri penjelasan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak tahu dengan sebab itu Kerajaan tidak dapat menangkap orang itu. Hanyalah keterangan dapat diberi oleh orang yang ada berdekatan pada masa perkara itu berlaku. Keterangan-keterangan yang diberi oleh orang yang ada di situ tidaklah keterangan yang tidak cukup jelas, dengan sebab itu tidak dapat hendak dipastikan perkara itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Bolehkah Perdana Menteri beritahu Dewan ini, orang yang membunuh I.G.P. itu terdiri dari orang Melayu, Cina atau India?

Perdana Menteri: Kita tidak tahu, kalau tahu, kita dapat tangkap orang itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan lagi. Jika tidak tahu, bolehkah Acting I.G.P. tarik balik keterangan "setengah Melayu, setengah Cina", beritahu dengan rakyat bahawa pembunuh itu tidak diketahui samada Cina, Melayu atau India.

Tuan Yang di-Pertua: Yang saya tahu apa yang dikatakan oleh Acting I.G.P. itu harus barangkali agak-agak sahaja, boleh jadi betul atau tidak; kalau dia tahu dia sendiri sudah dapat tangkap.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu, tetapi Acting I.G.P. tidak mengatakan agak-agak. Katanya, pembunuh itu tingginya 5 kaki 2 inci, setengah Melayu, setengah Cina. Saya tidak tahu samada orang itu pondan atau orang jantan?

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir dia lebih berakal daripada Ahli Yang Berhormat itu!

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak faham, lebih baik duduk. Jangan menghabiskan masa.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Berkaitan dengan pembunuhan Ketua Polis Negara ini, apakah pengawalan yang akan diberi oleh pihak Kerajaan untuk menyelamatkan pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar negara daripada diancam oleh pembunuhan yang dahsyat ataupun yang jahat seperti yang berlaku pada I.G.P. itu pada masa yang akan datang?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang patut telah dijalankan untuk mengawal pembesar-pembesar negara kita, tetapi perkara ini kita tidak boleh hendak jamin dan kita tidak boleh hendak beri kawalan seratus-peratus atas hal ini.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, atas pembunuhan Ketua Polis Negara kita,

adakah apa-apa keterangan iaitu anasir-anasir daripada luar negeri ada campur tangan dengan pembunuhan itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini masih dalam siasatan lagi. Kita tidak dapat keterangan yang jelas.

PENGGANAS-PENGGANAS KOMINIS

6. Tuan Hashim bin Gera minta Perdana Menteri menyatakan samada semasa lawatan beliau ke Republik Rakyat China baru-baru ini, Perdana Menteri Republik Rakyat China Tuan Chou En-lai telah memberi jaminan bahawa pengganas-pengganas kominis di Malaysia tidak akan mendapat sebarang bantuan dari Republik itu dan perhubungan tidak akan wujud di antara Republik itu dengan pengganas-pengganas ini.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi soalan ini tidaklah payah lagi dibangkitkan.

PENCEN PENUH KEPADA PESARA-PESARA

7. Tuan Haji Ahmad Damanhuri bin Haji Abdul Wahab minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa sebilangan besar pesara-pesara yang telahpun bersara lebih daripada 12 tahun masih belum mendapat pencen penuh mereka sebagaimana yang diumumkan. Jika sedar, bilakah mereka akan dapat menikmati faedah dengan pembayaran pencen tersebut memandangkan bahawa kebanyakan pesara-pesara berumur lebih daripada 70 tahun.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan keputusan Kerajaan untuk memulihkan pencen-pencen kepada pesara-pesara yang telah genap tempoh persaraannya selama 12½ tahun, tindakan telah dan sedang diambil untuk membayar pencen penuh kepada semua pesara-pesara yang layak menerimanya dengan seberapa segera yang boleh. Walaupun demikian, didapati bahawa beberapa kes perlu disiasat dengan lebih lanjut lagi untuk menentukan bahawa mereka sebenar-benarnya layak menerima pemulihan pencen penuh itu dan ini telah menyebabkan kelewatan dalam pembayarannya. Oleh kerana itu, Kerajaan akan

membayar pencen penuh kepada pesara-pesara dengan seberapa segera selepas penyiasatan telah diperbuat dan telah selesai dijalankan.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Dari penyiasatan yang telah dijalankan selama ini adakah terdapat bahawa kelewatan-kelewatan ini semata-mata berpunca dari kelewatan di peringkat negeri ataupun berpunca dari Perbendaharaan sendiri?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bukanlah tanggungjawab Perbendaharaan, tetapi adalah tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Awam, dan siasatan ini memanglah mengambil masa. Jadi tidak dapatlah kita hendak salahkan mana-mana pihak.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan tadi kelewatan ini timbul oleh sebab ada beberapa kes yang perlu Kerajaan siasat, tetapi bolehkah beliau mengarahkan pegawai yang tertentu, kes yang tidak perlu Kerajaan siasat boleh dicepatkan supaya mereka boleh dapat pencen penuh dan tidak perlu lagi menunggu-nunggu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya akan beri arahan perkara yang seperti itu.

KEWARGANEGARAAN KEPADA PEMEGANG KAD PENGENALAN MERAH

8. Tuan Mustapha bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan selain dari akuan memberi kewarganegaraan kepada beratus ribu pemegang-pemegang kad pengenalan merah apakah lagi serahan-serahan dan upeti yang diberi oleh beliau kepada Kerajaan Rakyat Negeri China dalam lawatan beliau baharu-baharu ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan dengan panjang lebar soal kedudukan orang-orang keturunan China yang bermastautin di Malaysia dalam ucapan-ucapan saya selepas pulang daripada Peking. Saya akan tegaskan lagi perkara ini dalam kenyataan saya selepas masa soal-

jawab nanti. Soalan Ahli Yang Berhormat itu nampaknya sengaja hendak mengelirukan Dewan dan tidak bertanggungjawab. Kerajaan ini tidak menyerahkan apa-apa atau memberi upeti kepada Kerajaan Republik Rakyat China.

RUNDINGAN PERDANA MENTERI—PRESIDEN SUHARTO

9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil rundingan beliau dengan Presiden Suharto di Pulau Pinang dalam bulan Mac, 1974.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dijelaskan dalam bulan Mac tahun ini, Presiden Suharto membuat lawatan tidak rasmi ke Pulau Pinang sebagai membalas lawatan saya ke Palembang tahun lalu. Tujuan lawatan itu adalah untuk mengadakan pertukaran fikiran atau pendapat secara "informal" dalam hal-hal kepentingan bersama, baik dalam lapangan hubungan antara kedua-buah negara ataupun dalam perkara-perkara antarabangsa dan serantau. Saya dapati pertemuan-pertemuan secara demikian sangat berfaedah, kerana ianya membolehkan saya bertukar-tukar fikiran dan pendapat dengan pembesar-pembesar negara-negara jiran dengan tujuan mengujudkan persefahaman dan kerjasama yang lebih erat antara satu dengan lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membicarakan dengan Presiden Suharto berkait dengan masalah Selat Melaka dan penyelarasan antara anggota Negara-negara Asean berkait dengan hal itu, kerana hal ini ada kaitannya antara negara-negara yang berjiran, sebagaimana yang berlaku pada baru-baru ini di mana salah satu daripada anggota Asean tidak sependapat dengan negara kita samada Malaysia dan Indonesia dalam hal yang tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah Selat Melaka, perkara inipun ada dibincangkan dan pendapat kita dengan Indonesia adalah sama di atas hal ini.

HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA—REPUBLIK RAKYAT CHINA

10. **Tuan Abdul Rahman bin Sberi** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, dengan terjalannya hubungan diplomatik antara Malaysia dengan negara-negara Kominis termasuk Republik Rakyat China:

- (a) samada ini bermakna bahawa semua rakyat Malaysia boleh melawat negara-negara ini untuk apa-apa tujuan tanpa apa-apa sekatan; dan
- (b) samada Permit-permit keluar perlu bagi rakyat Malaysia yang melawat negara-negara Kominis sebagai suatu langkah berjaga-jaga terhadap sab-versif.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mengkaji dasar yang ada sekarang samada patut diubah atau tidak. Buat sementara ini peraturan yang ada sekarang diteruskan.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Yang berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan tadi Kerajaan sedang mengkaji soal ini, tetapi adakah beliau sedar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan tadi selepas pertukaran duta antara Peking dan Kuala Lumpur, maka apa-apa halangan yang ada sekarang tentang lawatan orang-orang Malaysia ke Republik Rakyat China kita harap dimansuhkan supaya semua rakyat Malaysia boleh melawat Republik Rakyat China dengan tidak ada apa-apa halangan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Yang saya sebut iaitu dasar yang ada sekarang sedang dikaji, dan saya tidak ingat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan tadi segala halangan-halangan itu ditarik semula. Apa yang dikatakan iaitu perkara ini sedang dikaji untuk menyediakan supaya masanya datang besok perkara ini siap.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan Rakyat bilakah kita boleh mendapat tahu keputusan kajian itu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menentukan masanya, tetapi secepat mungkin untuk menyediakannya apabila ada kedutaan negara Republik Rakyat China di sini, maka tidaklah ada lagi kesulitan berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Bolehkah Dewan Rakyat ini mendapat tahu jikalau seorang warganegara Malaysia hendak melawat Negeri China ada dua syarat:

- (a) ada keluarga di Negeri China; dan
- (b) sakit dan tidak boleh dapat ubat di Malaysia.

Sekarang Malaysia ada hubungan diplomatik dengan Negeri Tiongkok. Bolehkah Ahli Parlimen di sini melawat Negeri Tiongkok dengan mudah? Bolehkah atau tidak atau hendak ikut syarat dahulu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah mengatakan tadi bahawa soal yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu bukan soal hanya Republik Rakyat China, tetapi semua negara-negara Kominis. Sekiranya Ahli Yang Berhormat hendak tahu dasar hanya berkenaan dengan negara Republik Rakyat China, saya rasa banyak soalan-soalan yang begini timbul. Jikalau diizinkan bolehlah saya menyatakan perkara ini, tetapi bila soal ini ditimbulkan pada masa hadapan, saya minta izin tidak payah dijawab lagi. Boleh saya buat satu statement, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau difikirkan mustahak, sila terangkan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Republik Rakyat China beberapa soalan kita dapati yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang dasar Kerajaan sekarang mengenai lawatan warganegara Malaysia ke negara itu dan juga lawatan warganegara Republik Rakyat China ke negeri ini. Banyak soal ditimbulkan. Untuk menjimatkan masa daripada menjawab satu-persatu soalan yang dikemukakan yang lebih kurang sama maksudnya, saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, menjelaskan dasar Kerajaan mengenai

perkara-perkara yang dibangkitkan dalam soalan-soalan itu, kerana soalan tadi hanya bersabit dengan semua negara bukan sahaja dengan negara Republik Rakyat China.

Dasar Kerajaan mengenai lawatan ke Negeri China sehingga hari ini ialah membenarkan warganegara Malaysia melawat negara itu bagi tujuan-tujuan tertentu sahaja, iaitu bagi lawatan kerana menziarahi waris-warisan yang rapat seperti ibu-bapa, anak-anak dan adik-beradik atau lawatan kerana hendak mendapatkan rawatan perubatan macam disebutkan tadi bagi penyakit yang difikirkan merbahaya dan rawatan itu tidak dapat diperolehi di Malaysia. Kebenaran biasanya diberi bagi mendapat rawatan perubatan kerana penyakit cancer, lumpuh, buta, pekak dan lain-lain sungguhpun rawatan boleh didapati di negeri ini kerana untuk memberi peluang kepada sipesakit mendapat rawatan di negara itu.

Lagi satu syarat ialah lawatan atas tujuan-tujuan tertentu yang diberi kebenaran khas oleh Kerajaan seperti menghadiri Canton Fair atau rombongan-rombongan sukan. Dasar ini sedang dikaji macam saya sebutkan tadi untuk disesuaikan dengan keadaan baru iaitu selepas terjalinnya hubungan diplomatik antara negara kita dengan Republik Rakyat China untuk menentukan jika perlu dibuat apa-apa perubahan. Sehingga dasar baru dibuat, peraturan sekarang akan terus berjalan, dan di dalam penentuan dasar baru itu dan peraturan baru itu, kepentingan negara dan keselamatan akan menjadi faktor-faktor utama yang perlu dititikberatkan.

Mengenai lawatan warganegara Republik Rakyat China ke negeri ini, dasar sekarang juga akan dikaji semula dengan tujuan untuk menyesuaikan dengan keadaan baru itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa di dalam kajian yang sedang diambil oleh Kementerianya tentang lawatan ke Republik Rakyat China, pegawai-pegawai yang mengkaji perkara ini boleh mengambil perhatian bahawa barangkali ada beratus-beratus atau beribu-beribu rakyat Malaysia akan melawat Republik Rakyat China bukan untuk berjumpa dengan kawan atau saudaranya di Republik Rakyat China Kalau seorang

Melayu hendak melawat Republik Rakyat China tentulah tiada saudara atau kawan di sana, tetapi mereka hendak melawat Republik Rakyat China oleh sebab ada beberapa tempat yang indah sebagai seorang pelancung. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa kajian ini boleh memberi peluang kepada rakyat Malaysia melawat Republik Rakyat China sebagai seorang pelancung?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya tidak dapat menjawab dengan tepat atas soalan ini, tetapi tentulah di dalam pemikiran waktu mengkaji semula soal-soal begini akan timbul dan saya akan menyampaikan pesanan Ahli Yang Berhormat itu kepada mereka.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan lawatan ini saya bahagikan kepada dua, yang pertama lawatan dan yang kedua belajar. Apabila perhubungan di antara Republik Rakyat China dengan Malaysia telah terjalin seperti pada hari ini, dan oleh kerana Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa kita titikberatkan atas keselamatan negeri kita, adakah Kerajaan membenarkan penuntut-penuntut daripada negeri kita pergi belajar ke negeri China. Dalam hal ini adakah kita titikberatkan di atas keselamatan negeri kita sendiri atau tidak, atau kita benarkan mereka pergi?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana saya telah menyatakan tadi bahawa sekarang ini pada peringkat awal, tidak dapat saya menyatakan dengan tertentu apakah hasil yang diusahakan oleh mereka yang mengkaji dasar baru ini. Tetapi sudah saya katakan tadi bahawa di dalam penentuan dasar baru itu kepentingan dan keselamatan negara akan menjadi faktor utama di dalam hal ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana penubuhan diplomatik antara Malaysia dengan Republik Rakyat China ialah untuk normalize perhubungan antara kedua negara, bolehkah Yang Berhormat Menteri menyetujui bahawa jikalau selepas pertukaran Duta kedua-dua negara lawatan-lawatan ke negeri China tidak lagi dikenakan syarat-syarat khas yang tidak serupa dikenakan dengan lain-lain negara yang kita ada

perhubungan diplomatik. Itu bukan satu normalisasi yang sepenuhnya dan untuk normalize satu normalisasi yang sepenuhnya, bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbangkan bahawa selepas pertukaran Duta kedua-dua negara syarat melawat ditetapkan sama dengan lain-lain negara?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sudah berkali-kali saya menyatakan bahawa dasar ini sedang dikaji dan saya tidak dapat memberi satu-satu ketetapan. Tetapi soalnya Kerajaan kita tentu sekali tidak akan menggunakan dasar diskriminasi. Yang penting kepada kita ialah menjaga keselamatan negara, dan normalisasi ini bukan perkara yang baru, kita pun sekarang ada mempunyai perhubungan dengan negara-negara U.S.S.R., Amerika dan berbagai-bagai peraturan yang berlainan, umpamanya, separuh negeri kita berkehendakkan visa, separuh negeri kita tidak berkehendakkan visa dan separuh negeri orang kita payah hendak pergi ke sana. Pendeknya, ada bermacam-macam peraturan di antara kita dengan berbagai-bagai negara. Jadi tidak dapatlah pada masa ini saya hendak menentukan apakah hasilnya daripada cadangan-cadangan yang dibuat pada masa yang akan datang apabila perhubungan kita itu terjalin.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan joint communique yang dikeluarkan di Kuala Lumpur dan di Peking, kedua-dua negara ada menerangkan bahawa mereka tidak campur tangan hal-ehwal dalam negeri masing-masing. Kalau begitu, mengapa masih ada lagi halangan untuk rakyat pergi melawat ke Republik Rakyat China?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, di manakah sangkut-pautnya dengan soal campur tangan dengan hal negeri China.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, dalam joint-communique yang dikeluarkan di Peking dan di Kuala Lumpur dahulu, kedua-dua Kerajaan ada mengatakan bahawa mereka respect independence atau sovereign integrity bersama-sama. Kalau begitu, saya fikir Kerajaan Malaysia boleh percaya dengan Kerajaan Republik Rakyat China dan Kerajaan Republik Rakyat China boleh percaya dengan negara kita. Oleh itu,

saya tidak faham apa sebab masih ada lagi halangan untuk rakyat Malaysia pergi melawat ke Republik Rakyat China?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah katakan tadi bahawa soal lawat-melawat ini bukan soal percaya atau tidak percaya, tetapi soalnya ada bermacam-macam peraturan. Umpamanya, kalau kita hendak pergi ke Negeri Sepanyol, ada visa arrangement, kita terpaksa melalui beberapa peraturan. Begitu juga orang daripada Negeri Amerika hendak datang ke Negeri Jepun, masing-masing ada peraturannya. Peraturan inilah yang sekarang sedang digubal. Bukan soal percaya atau tidak percaya antara Kerajaan dengan Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Berikutan daripada jaminan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa Kementeriannya tidak akan menjalankan apa-apa diskriminasi dalam hal polisi lawatan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri membuktikan sikap itu tidak akan menjalankan diskriminasi itu dengan serta-merta dan dengan membatalkan semua halangan kepada Ahli-ahli Parlimen daripada Parti-parti Opposisi untuk melawat negeri China?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dibuat sekarang, kerana belum ada dibuat persetujuan dengan negara Republik Rakyat China itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa sebab itu tidak memuaskan hati oleh kerana sungguhpun tidak ada perhubungan diplomatik antara kedua-dua negeri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan lain-lain pemimpin-pemimpin Malaysia ada pergi ke Peking, dan selepas lawatan atau dalam masa lawatan, barulah ada perhubungan diplomatik daripada kedua-dua negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak faham apa soalnya!

Tuan Lim Kit Siang: Soalnya ialah tidak payah tunggu pertukaran Duta-duta kedua-dua negeri, benarkan sahaja orang-orang di Malaysia melawat, dan tadi saya ada berkata jangan ada diskriminasi, saya

minta benarkan Ahli-ahli Parlimen semua parti, bukan sahaja parti Kerajaan, untuk melawat negeri China.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak hendak diskriminasi, dan kita tidak hendak memanjakan hanya kepada Members of Parliament sahaja.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada memberi penjelasan berkenaan dengan masaalah, yang pertama mengenai warganegara Malaysia yang hendak melawat negeri Tiongkok. Yang kedua, masaalah warganegara Tiongkok hendak melawat negeri Malaysia, dan yang ketiga dia tidak memberi penjelasan; itu saya hendak bertanya soalan tambahan. Sebelum Malaysia merdeka ada warganegara Malaysia yang lari ke negeri Tiongkok. Mereka masih warganegara Malaysia, bolehkah mereka balik ke Malaysia?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, di mana sahaja warganegara Malaysia berhak balik kalau betul-betul mereka itu warganegara Malaysia.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Bolehkah mereka yang sekarang ini berada di negeri Tiongkok yang ada warganegara Malaysia claim Malaysian Citizenship?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi tanggungjawab yang menentukan bahawa dia itu warganegara atau tidak tertanggunglah di atas dia, dan sekiranya dia itu warganegara Malaysia, dia berhak balik.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu dalam perundingan Tun Perdana Menteri dengan Chou En-lai adakah masalah ini timbul?

Datuk Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk menjelaskan kepada Ahli-ahli yang bertanya tadi iaitu dalam hubungan diplomatik antara bangsa tiap-tiap sebuah negeri itu ada mempunyai kedudukan masing-masing dan sepanjang yang saya tahu perhubungan dengan negara-negara Kominis umpamanya ke-

dudukannya adalah berlainan. Umpamanya, kalau negara-negara Kominis itu mempunyai Kedutaannya, misalnya

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, apa soalnya?

Tuan Yang di-Pertua: Itu kerja saya.

Datuk Senu bin Abdul Rahman: Jikalau kita mempunyai Kedutaan di negara-negara Kominis, kebiasaannya negara Kominis itu akan membuat sekatan-sekatan sejauh mana dan setakat manakah Ahli-ahli Kedutaan atau rakyat daripada sebuah negara itu akan dibenarkan melawat, dan banyak lagi perkara-perkara yang belainan kalau hendak dibandingkan dengan hubungan diplomatik antara satu negeri yang berdasarkan demokrasi. Jadi, tidaklah Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan bahawa ini merupakan masaalah-masaalah yang sedang difikirkan oleh Kerajaan pada hari ini sebelum kita mengadakan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China, dan itulah sebabnya maka kebenaran untuk melawat negeri China itu sendiri pun tidak dapat diberi dengan sebeb-bebasnya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada banyak kesulitan di dalam hal yang begini, bukan sahaja perhubungan dengan Republik Rakyat China, tetapi dengan beberapa buah negara seperti yang dikatakan tadi bahawa kedudukan kita masing-masing adalah tertentu dan bukannya sama. Walau bagaimanapun, di dalam penentuan dasar itu, saya telah menyatakan tadi dan saya akan menyatakan sekali lagi bahawa kepentingan negara dan keselamatan akan menjadi faktor yang utama di dalam penimbangan kita. Diharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat bersabarlah dahulu dan tunggu sehingga peraturan baharu ini dapat digubal.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri bahawa orang-orang keturunan China yang ada di negeri China sana sebagai rakyat Malaysia akan dibenarkan balik ke Malaysia dan mengambil kewarganegaraannya. Saya tahu bahawa ada beratus-ratus orang-orang China di negeri China hari ini yang asalnya daripada Malaysia tetapi mereka itu telah meninggalkan negeri ini

kerana tidak taat setia waktu diadakan kerahan tenaga (manpower) menentang pengganas tahun 1948. Mereka telah lari. Adakah orang yang macam itu hendak dipanggil balik ke Malaysia ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalnya bukannya mereka itu balik untuk mengambil kewarganegaraannya. Soalnya, adakah orang yang mempunyai warganegara Malaysia boleh balik atau tidak ke tanahair. Jawabnya, walau di manapun, bukan sahaja dari negeri Republik Rakyat China, tetapi di Peru, di Bolivia, di France, di England, kalau dia warganegara Malaysia, dia berhak balik mengikut Undang-undang Perlembagaan kita.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah benar selepas penubuhan perhubungan diplomatik antara kedua-dua negara bahawa peraturan-peraturan untuk orang-orang yang hendak pergi ke negeri China atas sebab-sebab perubatan diketatkan. Dahulu diperlukan seorang doktor untuk endorse permohonannya, tetapi sekarang memerlukan dua orang doktor. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi keadaan tidak berubah, mengikut seperti dahulu.

JAMBATAN-JAMBATAN LINTASAN JALAN KAKI

11. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan memandangkan kepada bertambah buruknya kesesakan lalu-lintas di Bandaraya Kuala Lumpur pada masa sekarang:

- (a) samada beliau bercadang untuk membina lebih banyak lagi jambatan-jambatan lintasan bagi orang-orang berjalan kaki menyeberang jalan, dan jika ya, di mana dan bila; dan
- (b) sungguhpun Kerajaan telah berjanji untuk membina jambatan-jambatan seperti itu mengapakah sehingga sekarang masih belum ada tanda-tanda kemajuan mengenainya dan apakah tindakan yang akan diambil atas perkara ini.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya akan membina 3 buah jambatan lagi tahun ini untuk orang-orang yang berjalan kaki di tempat-tempat yang berikut:

- (i) Jalan Tuanku Abdul Rahman (dekat Medan Tuanku);
- (ii) Jalan Pudu/Jalan Brunei; dan
- (iii) Jalan Pahang (dekat pasar Setapak).

Pihak Dewan memang sedar tentang mustahaknya jambatan-jambatan ini dan sedang merancang untuk membina lebih banyak lagi jambatan-jambatan seperti itu dalam peringkat kedua yang akan datang. Lapuran Kajian Pengangkutan Metropolitan yang dijalankan oleh beberapa orang pakar baru-baru ini mengesyorkan pembinaan beberapa buah jambatan dalam kawasan Bandaraya untuk kemudahan orang-orang berjalan kaki melintas jalan. Perlaksanaan Lapuran ini akan melibatkan Perancangan yang menyeluruh dan pembinaan jambatan-jambatan sejajar dengan sistem lalu-lintas yang dicadangkan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang berkenaan telah sebutkan tentang jambatan lintasan di Jalan Tuanku Abdul Rahman berhampiran Medan Tuanku. Adakah beliau sedar bahawa pihak Dewan Bandaraya telah bercakap barangkali tiga tahun dahulu, tetapi mengapakah jambatan itu belum dibina?

Datuk Ong Kee Hui: Pembinaan jambatan-jambatan tersebut sebenarnya sudahpun diatur oleh Dewan Bandaraya lewat tahun lepas tetapi harga yang ditawarkan oleh pembuat-pembuat tender empat kali lebih tinggi daripada yang dianggarkan. Tawaran-tawaran itu terpaksa digantung untuk membolehkan kajian lanjut dibuat dengan maksud mengurangkan belanja pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 60 adalah diberi di bawah ini).

LESEN PERUMAHAN

12. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang untuk mengawal pengeluaran lesen-lesen perumahan kepada ejen-ejen perumahan (iaitu ejen-ejen penjualan, pembelian, penyewaan dan penjualan/pembelian harta) di Malaysia;
- (b) samada beliau sedar bahawa ejen-ejen ini telah membuat keuntungan besar yang mengakibatkan inflasi di negara kita; dan
- (c) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui):

- (a) Tidaklah jelas apakah jenis lesen perumahan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Adalah dianggarkan bahawa Ahli Yang Berhormat itu bertanya samada pihak Kerajaan berhajat mengadakan undang-undang untuk mengawal dan melesen ejen-ejen perumahan. Kementerian ini tidak bercadang pada ketika ini hendak mengadakan undang-undang demikian. Walau bagaimanapun, ejen-ejen perumahan dari Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor akan bermesyuarat pada 28hb Julai, 1974 ini untuk menubuhkan Persatuan Wakil-wakil Perumahan, Wilayah Persekutuan dan Selangor dengan bertujuan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka, menggalakkan ahli-ahli mereka mengekalkan mutu professional yang tinggi, mengadakan peraturan-peraturan yang patut dipatuhi, menetapkan kadar dan dalal yang seragam, bayaran atau bayaran broker dan lain-lain bayaran perkhidmatan dan sebagainya dan dengan berbuat demikian, kepentingan orang awam akan dapat dilindungi. Oleh itu adalah difikirkan tidak perlu mengadakan undang-undang guna mengawal ejen-ejen perumahan atau "real estate".

(b) Ejen-ejen perumahan atau "real estate" pada amnya menjalankan aktiviti-aktiviti yang berikut untuk:

- (i) mendapatkan pembeli atau penjual bagi pihak pelanggan-pelanggan mereka;
- (ii) menguruskan pendudukan bagi pihak pelanggan-pelanggan mereka;
- (iii) menjaga rumah/harta bagi pihak pelanggan-pelanggan mereka (tuan punya tanah),

dan memperolehi pendapatan mereka melalui dalal/bayaran yang dikenakan dari aktiviti-aktiviti itu. Pihak Kementerian ini tidak tahu samada ejen-ejen itu memperolehi keuntungan yang banyak akan tetapi memandangkan kepada kenaikan nilai harta baru-baru ini, maka ada kemungkinannya mendapat keuntungan yang banyak. Dalam keadaan yang demikian, di mana terdapat permintaan melebihi bekalan ditambah pula orang ramai tidak mempunyai sikap yang sabar telah menyebabkan berlakunya keadaan inflasi dan tidaklah mungkin yang seseorang itu yang menjadi orang tengah dalam satu-satu urusan perniagaan dijangka akan menghadkan keuntungannya.

- (c) Kementerian ini tidaklah bercadang mengambil sebarang tindakan dan sebaliknya pula menggalakkan penubuhan Persatuan seperti ini dan saya, sebagai Menteri yang bertanggungjawab mengenai perumahan, telah bersetuju merasmikan mesyuaratnya pada 28hb Julai, 1974.

IMIGERESEN—DASAR

13. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan akan membenarkan rakyat Malaysia melawat dengan bebas ke Republik Rakyat China seperti negara-negara lain yang ada perhubungan diplomatik dengannya, tanpa mendapat pembelesen daripada Cawangan Khas dan pihak imigresen, sebagai satu langkah lagi untuk memecahkan "halangan-halangan rohani dan fikiran serta salah-faham dan kekhuatiran" dan memulihkan persahabatan turun-temurun di antara rakyat Malaysia dan China.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kerajaan sedang mengkaji samada dasar Imigresen yang ada sekarang perlu diubah atau tidak. Buat masa ini dasar yang ada sekarang diteruskan.

BARANG-BARANG/ PERKHIDMATAN YANG TIDAK DIPESAN

14. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar tentang amalan yang menjadi-jadi di mana barang-barang dan buku-buku yang tidak dipesan dihantar kepada pengguna-pengguna, dan jika ya, samada Kementerian beliau akan menimbang menggubal satu undang-undang sama seperti Akta Barang-barang dan Perkhidmatan Yang Tidak Dipesan Australia Selatan, 1972 untuk menghindar pengguna-pengguna dari dikacau oleh amalan yang tidak diingini ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Kerajaan memang sedar ada terjadi beberapa kejadian sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sungguhpun kejadian-kejadian ini tidaklah begitu berleluasa. Walau bagaimanapun berasas kepada syor Ahli Yang Berhormat itu Kementerian saya akan mengkaji Akta dari Australia yang disebutkan untuk memastikan samada Akta seperti itu sesuai dengan keadaan di Malaysia.

AKTA SEWA BELI—JAWATANKUASA

15. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau akan menimbang meminda Akta Sewa Beli supaya sejajar dengan kehendak-kehendak zaman sekarang dan lebih adil kepada pembeli-pembeli.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Jawatankuasa Akta Sewa Beli telah menimbangkan beberapa pindaan dan sebelum pindaan ini dibuat, perbincangan-perbincangan dengan Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan, Persatuan-persatuan Pengguna dan lain-lain persatuan yang berkaitan akan diadakan. Akta Sewa Beli adalah bukan satu perundangan yang berat sebelah tetapi perundangan yang memberi perlindungan kedua-dua pihak samada penyewa-penyewa

(pengguna-pengguna) dan pemilik-pemilik daripada perbuatan yang menyeleweng. Akta Sewa Beli ini juga menentukan urusaniaga secara adil dijalankan. Sebarang pindaan yang dibuat akan menggambarkan objektif tersebut.

BUKU-BUKU TEKS MURID-MURID— BANTUAN

16. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Pejabat Pelajaran Sarawak untuk menentukan bahawa rancangan bantuan buku-buku teks bagi murid-murid yang memerlukannya akan dilaksanakan dengan adil dan apakah kriteria untuk menentukan samada seseorang murid itu memerlukannya.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Pengarah Pelajaran Negeri Sarawak sudahpun memberikan penerangan penuh mengenai sekim rancangan tersebut kepada semua Pegawai Pelajaran Bahagian di Sarawak dan langkah-langkah sedang diambil oleh Pegawai-pegawai Pelajaran Bahagian untuk mendapatkan butir-butir yang diperlukan untuk menjalankan sekim tersebut. Ahli Yang Berhormat itu boleh diberi jaminan bahawa Rancangan Pinjaman Buku-buku Teks ini akan dilaksanakan dengan adil.

RASCOM—KESELAMATAN

17. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada RASCOM mustahak lagi memandang kepada kenyataan Ketua Menteri Sarawak baru-baru ini bahawa 90% daripada masalah keselamatan dalam negeri itu telah diselesaikan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Sungguhpun keadaan di Sarawak sangat menggalakkan tetapi masalah keselamatan masih ada lagi terutama dalam kawasan RASCOM. RASCOM ditubuhkan untuk membasmi pengganasan dan memelihara ketenteraman serta keamanan daripada ancaman pengganasan kominis di dalam kawasan yang terlibat. Oleh yang demikian RASCOM mempunyai rancangan-rancangan termasuk unsur-unsur pembangunan. Pada masa ini banyak pelaksanaan dari segi pembangunan belum lagi

selesai. Maka itu wajar RASCOM diteruskan supaya projek-projek pembangunan tidak terbengkalai.

LIMBANG—MENOLAK TUNTUTAN BRUNEI

18. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada berbagai-bagai rapat umum yang telah diadakan di Sarawak untuk menolak tuntutan ke atas Limbang oleh Brunei sesungguhnya perlu diadakan dan telah menepati tujuannya. Jika ya, mengapakah rapat-rapat umum yang sama tiada di bahagian-bahagian lain dalam Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak ada rapat-rapat umum yang dianjurkan khas dengan bertujuan menyentuh tentang isu-isu kedudukan ke atas Limbang. Apa yang sebenarnya berlaku ialah Ketua Menteri Sarawak telah mengambil kesempatan di 5 rapat umum yang diadakan di kawasan yang berdekatan dengan Limbang menyentuh isu tersebut. Ini adalah dengan tujuan untuk mententeramkan kegelisahan penduduk-penduduk di kelima-lima kawasan yang berkenaan.

PENGUSAHA-PENGUSAHA TEMPATAN

19. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah rancangan yang telah dibuat supaya Malaysia boleh mempunyai pengusaha-pengusaha sendiri tanpa bergantung kepada pengusaha-pengusaha asing selama-lamanya.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Pembangunan perindustrian adalah satu aktiviti yang baru bagi Malaysia dibandingkan dengan negara-negara maju. Oleh itu kebanyakan daripada teknologi dan kemahiran bersabit dengan pembangunan perindustrian dibawa masuk dari negara maju ini. Rancangan Kerajaan untuk membolehkan Malaysia memiliki pengusaha-pengusaha sendiri terkandung dalam dasar menggalakan rakyat Malaysia membentuk usaha bersama dengan pelabur-pelabur asing, yang mempunyai teknologi, kemahiran tertentu dan jalan memperolehi pasaran antarabangsa. Setelah rakyat kita memperolehi kemahiran

ini, Malaysia akan beransur-ansur membina kemahirannya sendiri tetapi ini mestilah dilihat dari perspektif jangka panjang.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa Malaysia sebenarnya telahpun mempunyai pengusaha-pengusahanya sendiri. Di antara tahun 1968 hingga Jun, 1974, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah meluluskan 1909 projek-projek yang mana 603 dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia. Perlu juga dinyatakan bahawa hampir kesemua bengkel perusahaan dan kejuruteraan kecil di negara ini dimiliki dan diselenggarakan oleh rakyat Malaysia. Memandangkan kedudukan ini bolehlah dikatakan bahawa Malaysia tidak bergantung sepenuhnya kepada pengusaha-pengusaha asing.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa sungguhpun Malaysia bergantung kepada sebahagian daripada teknologi dan kemahiran negara perindustrian, harus diperhatikan bahawa negara-negara maju telah menempuhi proses yang sama dalam peringkat awal pembangunan perindustrian mereka. Malahan sehingga hari ini, negara-negara perindustrian yang maju saling bergantung kepada kemahiran dan teknologi antara satu sama lain. Keadaan saling bergantung di antara negara-negara untuk kemahiran dan teknologi akan berterusan selagi pembangunan dinamik dan perubahan saintifik berlaku, seperti dicitakan untuk Malaysia sendiri.

GURU-GURU D.T.C.

20. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa Guru-guru D.T.C. yang berkursus selama 2 atau 3 tahun dan juga mengajar satu bahasa tambahan telah ditempatkan ke dalam Kategori B-1 sementara Guru-guru Ugama dan Guru-guru kelulusan Senior Middle 3, yang tidak terlatih tidak berkursus dan tidak mengajar satu bahasa tambahan, telah ditempatkan ke dalam Kategori C-2 dalam Sekim Aziz.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Mengikut prinsip pemindahan gaji yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1971, penempatan guru-guru ke dalam kategori-kategori tertentu adalah berdasarkan kepada kelulusan akademik dan

ikhtisas. Tempoh kursus perguruan atau pengajaran bahasa tambahan tidak diambil perhitungannya.

Kategori B—1 adalah bagi guru-guru terlatih yang berkelulusan Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang setaraf dengannya dan Kategori C—2 bagi guru-guru terlatih yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang setaraf dengannya. Oleh yang demikian guru-guru D.T.C. yang memiliki Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang setaraf dengannya telah ditempatkan ke dalam Kategori B—1 sementara Guru-guru Ugama dan Guru-guru berkelulusan Senior Middle 3 yang terlatih telah diterima untuk ditempatkan ke dalam kategori C—2 bagi maksud pemindahan gaji tersebut.

Adalah tidak benar bahawa Guru-guru Ugama dan Guru-guru yang berkelulusan Senior Middle 3 yang tidak terlatih telah ditempatkan ke dalam kategori C—2.

TAN CHONG & SONS PEMBEKAL MAKANAN TENTERA

21. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan samada benar bahawa Tan Chong & Sons, pembekal makanan bagi Angkatan Tentera di Kuala Lumpur, menggunakan pengaruhnya dalam hal penukaran pegawai-pegawai tentera sekiranya mereka tidak mengikut kehendak-kehendak Tan Chong atau membantah tentang mutu makanan yang dibekalkan kepada anggota-anggota Angkatan Tentera, dan jika ya, nyatakan samada beliau akan menubuhkan sebuah Lembaga Penyiasat untuk menyiasat perkara ini dan menentukan samada Tan Chong & Sons telah menggunakan pengaruhnya dalam hal ini dan lain-lain amalan yang salah dalam Angkatan Tentera semasa menguruskan perniagaan dengan syarikat tersebut.

Menteri Pertahanan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tidak benar. Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat dapat memberi bukti-bukti yang nyata tentang adanya kes-kes seumpama itu, saya akan mengarahkan supaya penyiasatan dijalankan atas perkara itu.

PARTI KOMINIS MALAYA

22. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adakah benar bahawa Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk mengakui Parti Kominis Malaya dan memberi hak yang sama untuk bergerak sebagaimana parti-parti politik lain di dalam negeri ini. Jika tidak, berikan penjelasan mengenai hal yang berkenaan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kerajaan tidak memberi sebarang pertimbangan di atas soal pengiktirafan apa yang digelar Parti Kominis Malaya kerana semangat, ideologi dan kegiatan-kegiatan ganas yang menjadi panduan dan amalan mereka bertentangan sama sekali dengan nilai dan pegangan rakyat yang patuh kepada kelohoran Perlembagaan seperti yang tercatat di dalam Rukunegara.

TEPUNG GANDUM—HARGA

23. Tuan Chan Fu King minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab harga tepung gandum tidak turun walaupun harga di pasaran antarabangsa sudah turun dengan kadar sebanyak 40%, oleh kerana jika harga tepung gandum diturunkan kalangan-kalangan yang berpendapatan rendah boleh membeli segala barang makanan buatan tepung gandum dengan harga yang murah dan dengan itu dapat mengatasi sedikit-sebanyak penderitaan mereka dalam masa inflasi ini.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bahawa harga gandum samada tepung atau biji, di pasaran antarabangsa sudah turun dengan kadar sebanyak 40% tidaklah benar. Harga biji gandum di pasaran antarabangsa adalah masih pada takat yang tinggi yang mana pada pukul ratanya lebih daripada A\$110.00 atau M\$374.00 satu tan metrik semenjak bulan Januari, 1974. Semenjak awal tahun ini, harga biji gandum telah didapati turun sedikit dalam bulan Mei, 1974 kepada takat A\$105.00 atau M\$357.00 satu tan metrik. Akan tetapi harga ini telah meningkat naik pula dalam bulan Jun di mana ianya telah meningkat kepada A\$124.50 atau M\$422.30 satu tan metrik. Oleh kerana kekurangan harga biji gandum yang terdapat dalam bulan Mei itu adalah suatu perubahan yang singkat sahaja, maka

apa-apa perubahan tidak dapat dibuat terhadap takat harga tepung gandum di pasaran tempatan. Tambahan lagi harga biji gandum yang dibayar oleh pekilang-pekilang tempatan tidak semestinya menunjukkan pada takat yang rendah pada sesuatu masa oleh kerana kontrek pembelian-pembelian itu adalah dibuat lebih awal daripada masa harga itu turun.

DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN

24. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau bercadang mengkaji semula dasar pelajaran kebangsaan supaya sesuai dengan Islam oleh kerana memang menjadi hasrat kita hendak menyelaraskan pembangunan rohaniah dengan material.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tidak. Kerana sudah sememangnya menjadi dasar pelajaran kebangsaan untuk mengimbangkan pelajaran kerohanian dengan material.

HOSPITAL BARU KAMPAR

25. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau ada apa-apa rancangan untuk membina sebuah hospital yang lebih besar dan lengkap di tapak baru di Kampar, dan jika ada, bilakah projek itu dapat dimulakan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Kementerian Kesihatan telah meminta Pemungut Hasil Tanah, Kampar untuk mendapatkan sebidang tanah bagi tapak Hospital Baru. Pemungut Hasil Tanah Kampar telah menawarkan sebidang tanah tetapi tapak ini telah tidak mendapat persetujuan daripada pihak Jabatan Kerja Raya. Kementerian Kesihatan telah meminta Pemungut Hasil Tanah Kampar supaya mencari satu tapak yang lain yang lebih sesuai.

PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTRA— BANTUAN

26. Tuan James Stephen Tibok minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bantuan-bantuan yang diberikan kepada pemborong-pemborong bumiputra di Sabah memandangkan keadaan inflasi sekarang dan untuk menggalakkan penyertaan

bumiputra dalam lapangan perniagaan sebagaimana yang selalu dilaungkan oleh Kerajaan.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Kerajaan sedang memberi galakan kepada peniaga-peniaga bumiputra melalui berbagai peruntukan bantuan dan kemudahan-kemudahan untuk memastikan supaya banyak lagi bumiputra menyertai bidang perdagangan dan perindustrian sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Bantuan dan kemudahan-kemudahan ini termasuklah bidang pemborongan.

Di Sabah, Syarikat Perdagangan Perkasa Sdn Bhd iaitu syarikat "subsidiary" Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri pada masa ini sedang menjalankan perniagaan borong. Selain daripada itu terdapat beberapa pemborong bumiputra yang ujud di Sabah dan mereka ini sedang menguruskan pemborongan meliputi segala bahan-bahan keperluan.

WARGANEGARA MALAYSIA— SYARAT KE CHINA

27. Tuan Chan Yoon Onn minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa jenis (i) warganegara, dan (ii) bukan-warganegara Malaysia yang layak mengunjungi Republik Rakyat China.
- (b) adakah apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan kepada pemohon-pemohon yang telah diluluskan untuk pergi ke Republik Rakyat China atas kunjungan-kunjungan yang berlainan atau kunjungan selama beberapa bulan; dan
- (c) berapa lamakah Kerajaan akan membenarkan untuk tinggal di Malaysia pada satu-satu masa bagi (i) segala rakyat dari negeri-negeri asing; dan (ii) rakyat Republik China.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jawapan ini telah saya jawab semasa menjawab soalan No 13.

MAS—JADUAL PERKHIDMATAN PENERBANGAN

28. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk

mempastikan bahawa rakyat tidak teras teruk sangat dengan kelambatan penerbangan Mas yang sering berlaku di wilayah Borneo dan kenaikan tambang kapalterbang MAS baru-baru ini.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Perkhidmatan penerbangan MAS di Sabah dan Sarawak adalah berjalan dengan licinnya. Kelambatan-kelambatan penerbangan mungkin berlaku dari masa kesemasa oleh kerana beberapa sebab termasuklah sebab-sebab operasi, cuaca dan udara juga kerosakan teknik. Ini adalah perkara lazim yang berlaku pada mana-mana syarikat penerbangan pun. Pihak MAS telah dan sedang menjalankan segala usaha untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang kelambatan penerbangan.

Tentang kenaikan tambang kapalterbang pihak MAS telahpun mengkaji sedalam-dalamnya semua aspek sebelum menaikkan tambang penerbangan dalam negeri baru-baru ini. Bukan sahaja pihak MAS yang telah menaikkan tambang penerbangan, bahkan semua syarikat penerbangan dalam dunia ini telah pun menaikkan tambang kapalterbang dan setengah-setengah syarikat penerbangan lain telah menaikkan tambang penerbangan dalam negeri lebih tinggi daripada tambang-tambang penerbangan dalam negeri yang ditetapkan oleh MAS. Kenaikan tambang itu adalah perlu untuk mengatasi kenaikan harga minyak dan kenaikan harga-harga barang lain yang berlaku dari masa ke semasa.

DELIGASI PARTI-PARTI PEMBANGKANG KE CHINA

29. Tuan Loh Jee Mee minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan menghantar satu deligasi Parti-parti Pembangkang untuk mengunjungi Republik Rakyat China supaya mengeratkan lagi perhubungan rapat di antara Republik itu dengan Malaysia.

Perdana Menteri: Tidak ada terdapat cadangan untuk menghantar satu deligasi yang terdiri dari ahli-ahli Parti Pembangkang untuk melawat ke Republik Rakyat China sebab saya berpendapat yang lawatan rasmi saya yang baru lalu itu sudah memadai. Saya tidak terima pendapat bahawa

pemergian satu deligasi ahli-ahli Parti Pembangkang akan menolong merapatkan lagi hubungan dengan Republik Rakyat China.

PILIHANRAYA UMUM— PENGUNDI-PENGUNDI SABAH/SARAWAK

30. Tuan Edwin anak Tangkun minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan meminta Suruhanjaya Pilihanraya supaya dalam Pilihanraya Umum yang akan datang semua pengundi-pengundi dalam kawasan luar bandar yang terpencil dan jauh diberi peluang mengundi dan bagaimanakah perkara ini akan dilaksanakan untuk menentukan supaya lebih ramai pengundi-pengundi akan membuang undi.

Perdana Menteri: Suruhanjaya Pilihanraya telahpun mengambil tindakan memperbaiki peluang pengundi-pengundi di kawasan luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak dengan mengadakan:

- (a) Pasukan Bergerak;
- (b) Mengadakan Tempat Mengundi yang lebih;
- (c) Mengadakan Tempoh Pengundian yang lebih lama;
- (d) Dengan mengadakan pengangkutan helikopter dan bot;

dan dengan ini jelas, terutama jika dilihat dari keputusan peratusan yang keluar mengundi pada tahun 1969 iaitu 80% daripada pengundi-pengundi Sarawak telah keluar mengundi berbanding dengan 73.1% bagi pilihanraya bagi negeri-negeri Semenanjung Malaysia.

Memandangkan kepada keadaan keselamatan di Sarawak semasa pilihanraya dijalankan maka peratusan pengundian yang telah dicapai itu adalah sangat tinggi dan memuaskan.

PRESIDEN SUHARTO—RUNDINGAN PERDANA MENTERI

31. Tuan Chan Fu King minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada dalam perundingan beliau dengan Presiden Suharto dari Indonesia baru-baru ini di Pulau Pinang peristiwa pembunuhan dan kekacauan di Jolo (Filipina Selatan) telah dibangkitkan dan jika ya, apakah butir-butir perbincangan itu.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak): Dalam perbincangan saya dengan Presiden Suharto di Pulau Pinang dalam bulan Mac tahun ini, kami telah bertukar-tukar pendapat dalam beberapa perkara termasuk hubungan antara dua buah negara, dan hal-hal antarabangsa dan serantau yang mempunyai kepentingan bersama. Kami juga menyentuh dengan secara am masalaah orang-orang Islam di Filipina Selatan. Saya menjelaskan kepadanya kebimbangan kita terhadap masalaah itu, terutamanya kehilangan jiwa mereka-mereka yang terlibat, dan telah juga menegaskan tentang dasar kita terhadap perkara ini, seperti yang telah saya terangkan di dalam persidangan yang lepas Dewan ini.

KERTAS PENCEN BAGI PESARA

32. Tuan V. Veerappen minta Perdana Menteri memberi bilangan:

- (a) orang-orang yang sudah bersara tetapi masih menunggu kertas pencen mereka untuk dibereskan sebagaimana pada 1-6-1974; dan
- (b) pesara-pesara yang masih belum dibayar elaun bantuan khas.

Perdana Menteri:

- (a) Pada 1hb Jun, 1974 sejumlah 116 kertas-kertas persaraan masih belum lagi diluluskan mengenai pekerja-pekerja yang telah bersara. Selain dari itu 62 kertas-kertas pencen terbitan dan ganjaran terbitan (derivative pension and gratuity) sedang diproseskan pada tarikh tersebut mengenai pekerja-pekerja yang meninggal dunia dalam perkhidmatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jabatan Perkhidmatan Awam menerima kira-kira 600 kertas-kertas tamat perkhidmatan setiap bulan dan segala langkah adalah diambil oleh Jabatan itu untuk menyegerakan pembayaran pencen termasuk penggunaan komputer.
- (b) Hampir ke semua pesara-pesara yang layak menerima Elaun Bantuan Khas telahpun dibayar elaun tersebut, kecuali kes-kes yang memerlukan penyiasatan yang lebih lanjut oleh sebab keterangan-keterangan yang tidak lengkap mengenai pesara-pesara itu.

BAYARAN PENCEN KEPADA KAKITANGAN LEMBAGA SURUHANJAYA MATAWANG

33. Tuan V. Veerappen minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) siapakah yang bertanggungjawab atas bayaran pencen kepada kakitangan Lembaga Suruhanjaya Matawang yang dahulu; dan
- (b) samada mereka berhak mendapat Elaun Bantuan Khas; jika ya, bilakah akan dibayar.

Perdana Menteri:

- (a) Bank Negara Malaysia bertanggungjawab atas pembayaran pencen kepada bekas kakitangan Lembaga Pesuruhanjaya Matawang Malaya dan British Borneo;
- (b) Pihak Bank Negara telah diarah memberi pertimbangan yang segera supaya membayar Elaun Bantuan Khas kepada mereka.

HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA-CHINA—SYARAT-SYARAT

34. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Luar Negeri menyatakan syarat-syarat mengenai penubuhan perhubungan diplomatik baru-baru ini di antara Republik Rakyat China dan Malaysia:

- (a) samada pemimpin-pemimpin China telah bersetuju melawat Malaysia;
- (b) samada Republik itu telah bersetuju memberi pinjaman kepada Malaysia; dan
- (c) samada beliau akan melonggarkan syarat-syarat yang dikenakan ke atas warganegara-warganegara Malaysia yang bercadang hendak melawat Negeri China untuk memperkukuhkan perhubungan di antara kedua-dua negara.

Tun Haji Abdul Razak: Syarat-syarat pertubuhan perhubungan diplomatik di antara Republik Rakyat China dengan Malaysia dijelaskan di dalam Kenyataan Bersama yang diisytiharkan oleh kedua-dua Kerajaan dan saya tidak perlu mengulangi-nya.

- (a) Perkara lawatan oleh pemimpin-pemimpin China ke Malaysia tidak dibincangkan;
- (b) Perkara Pinjaman oleh Republik Rakyat China ke Malaysia juga tidak dibincangkan;
- (c) Perkara ini sedang dipertimbangkan. Sementara itu syarat-syarat yang berkuatkuasa sekarang terus berjalan.

ALBANIA/CUBA—HUBUNGAN DIPLOMATIK

35. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau akan menimbang menubuhkan hubungan diplomatik dengan Albani dan Cuba secepat yang boleh diadakan.

Tun Haji Abdul Razak: Seperti yang saya telah katakan beberapa kali di masa yang lampau Malaysia sentiasa bersedia untuk mengadakan perhubungan dengan mana-mana negara juga yang ingin bersahabat dengan kita berasaskan prinsip saling hormat-menghormati dan tidak campur tangan dalam hal ehwal negeri masing-masing. Mengenai hubungan diplomatik dengan Albania dan Cuba kita belum menerima apa-apa cadangan untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan mereka.

LATIHAN PERDAGANGAN

36. Tuan Chan Yoon Onn minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan Malaysia diminta oleh Republik Rakyat China supaya menghantar penasihat-penasihat yang mahir untuk memberi latihan mengenai perdagangan atau perkara-perkara teknik atau sebagainya.

Perdana Menteri: Kerajaan Republik Rakyat China tidak membuat permintaan seperti ini.

FAEDAH SELEPAS HUBUNGAN DIPLOMATIK

37. Tuan Chan Yoon Onn minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah faedah yang didapati oleh Malaysia dalam kunjungan perwakilan beliau ke Republik Rakyat China baru-baru ini; dan

- (b) apakah faedah yang akan didapati oleh Malaysia pada masa hadapan selepas perhubungan diplomatik diadakan oleh kedua-dua negeri ini.

Tun Haji Abdul Razak: (a) dan (b)—Perkara-perkara ini adalah termasuk juga di dalam kenyataan saya pada hari ini.

PERJANJIAN PERSEMPADANAN LAUT WILAYAH MALAYSIA—INDONESIA

38. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Malaysia telah membuat sebarang perjanjian bersama dengan Indonesia bersabit dengan Selat Melaka; jika ya, nyatakan samada kedua-dua buah negara itu bercadang mengenakan syarat-syarat dan cukai ke atas sebarang kapal yang menggunakan Selat itu.

Tun Haji Abdul Razak: Dalam bulan Mac, 1970 kita telah menandatangani satu Perjanjian dengan Indonesia berhubung dengan persempadanan laut Wilayah kedua negara di Selat Melaka. Kita juga telah menandatangani satu lagi perjanjian berhubung dengan Selat Melaka dengan Indonesia dalam bulan Oktober, 1969. Ini ialah Perjanjian Persempadanan Pelantar Benua di Selat Melaka dan Lautan China. Kemudiannya kita telah membuat perjanjian yang sama dengan Indonesia dan Negeri Thai berkaitan dengan bahagian utara Selat tersebut dalam bulan Disember, 1971.

Setakat ini belum ada apa-apa perjanjian untuk mengenakan syarat-syarat atau cukai ke atas kapal-kapal yang menggunakan Selat itu. Perkara ini mungkin akan dikaji dengan lebih teliti lagi sesuai dengan perbincangan-perbincangan di Konferensi Undang-undang Laut yang sedang berlangsung sekarang ini.

TAIWAN—PENDIRIAN MALAYSIA

39. Tuan Andrew Mara anak **Walter Unjoh** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan kepada penubuhan perhubungan diplomatik antara Malaysia dengan Republik Rakyat China, apakah pendirian Kerajaan terhadap Taiwan.

Tun Haji Abdul Razak: Perkara ini termasuk juga dalam kenyataan saya selepas masa soal-jawab nanti.

KEWARGANEGARAAN BAGI STATELESS PERSONS

40. Dr Tan Chee Khoo minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau telah berunding dengan Pengerusi Mao Tse-tung mengenai kedudukan orang-orang berketurunan China yang tiada kewarganegaraan (stateless persons) dan jika ya, apa keputusan yang telah dicapai. Nyatakan juga, apakah langkah-langkah positif Kerajaan akan ambil untuk menolong mereka mendapat kerakyatan Malaysia sekiranya mereka berkehendakkan demikian.

Perdana Menteri: Bahagian pertama soalan ini adalah termasuk di dalam kenyataan saya.

Berkaitan dengan bahagian kedua soalan ini, Ahli Yang Berhormat tentu tahu bahawa peruntukan-peruntukan undang-undang Kewarganegaraan kita adalah lengkap dan terpulanglah kepada orang-orang yang bermastautin di sini samada atau tidak mereka mahu menjadi rakyat Malaysia, mengikut kehendak-kehendak undang-undang itu.

PENCEN PEKERJA-PEKERJA KERAJAAN

41. Tuan V. David bertanya kepada Perdana Menteri samada Jawatankuasa empat orang yang dilantik meneliti semula berkenaan pencen untuk pekerja-pekerja Kerajaan yang telah bersara sudah menyelesaikan laporan mereka sebagaimana yang telah diterangkan pada 4hb Disember, 1972 di Parlimen. Jika belum, bolehkah beliau terangkan bilakah pertimbangan ini dapat diselesaikan dan dicetak.

Perdana Menteri: Jawatankuasa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah Jawatankuasa Khas yang dilantik oleh Kerajaan untuk mengkaji dasar-dasar faedah persaraan bagi pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam dan Badan-badan Berkanun (kecuali Angkatan Tentera dan Kehakiman). Jawatankuasa tersebut telahpun menyelesaikan tugasnya dan mengemukakan dua buah laporan. Berikutan dengan perakuan-perakuan yang terkandung di dalam laporannya yang pertama Kerajaan telah meluluskan pembayaran Elaun Tambahan sebagai menggantikan Elaun Sarahidup (COLA) kepada pesara-pesara

yang menerima pencen pokok kurang daripada \$595 sebulan, dan yang telah bersara di bawah sistem tanggagaji lama (sebelum Suffian). Mengenai perakuan-perakuan di dalam Laporan Kedua Jawatankuasa Khas itu pula, Kerajaan masih lagi menimbangkannya.

CHIN PENG—PARTI KOMINIS MALAYA

42. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memandangkan perhubungan yang telah dicapai pada masa ini dengan Republik Rakyat China bolehkah Perdana Menteri mempertimbangkan untuk mengadakan perjumpaan terbuka dengan Chin Peng, Setiausaha Agong Parti Kominis Malaya untuk menyelesaikan peperangan yang telah berjalan sejak tahun 1948.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Perkara yang penting di sini bukanlah soal mengadakan perbincangan dengan pegganas-pegganas kominis. Mereka tidak mempunyai sebarang tujuan lagi untuk menyambung penentangan bersenjata dan membunuh orang-orang yang tidak berdosa kerana kita sudah menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, yang mana pihak Republik Rakyat China telahpun iktirafkan. Masanya sudah tiba untuk mereka menerima hakikat ini dan menghadapi kebenaran dan menghentikan penentangan yang tidak menguntungkan itu. Dalam ucapan-ucapan Y.A.B. Tun Perdana Menteri di rapat-rapat umum di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Seremban dan Kuching selepas kepulangannya dari Republik Rakyat China dan juga di perjumpaan Agong UMNO pada 29-6-74 Y.A.B. Tun Perdana Menteri telah menyeru kepada mereka supaya meletakkan senjata mereka dan kembali kepada penghidupan biasa. Kerajaan berharap mereka akan memberi perhatian kepada seruan-seruan itu.

LIMBANG—ORANG-ORANG BRUNEI LARI

43. Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Malaysia terhadap orang-orang yang lari dari Bandar Sri Begawan ke Limbang pada 12hb Mei, 1974.

Tun Haji Abdul Razak: Seramai 89 orang-orang Brunei yang lari sendiri ke Limbang pada bulan Mei tahun ini telah merayu kepada Kerajaan supaya dibenarkan tinggal di Sarawak. Memandangkan permohonan ini dan atas peri kemanusiaan, Kerajaan telah bersetuju dengan rayuan mereka itu. Mereka telah diberitahu juga bahawa mereka bebas untuk pulang ke tempat asal mereka pada bila-bila masa jua.

BUMIPUTRA—TAKRIF

44. Tuan Ng Hoe Hun minta Peguam Negara menyatakan:

- (a) samada orang-orang China yang telah memeluk Ugama Islam tetapi masih memakai nama baka seperti Tan, Ching, Lian dan lain-lain adalah dianggap bumiputra; dan
- (b) samada mereka diberi hak-hak yang sama seperti bumiputra yang lain.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):

- (a) Perkataan “bumiputra” tidak ditakrifkan dalam mana-mana undang-undang, tetapi perkataan ini diguna untuk menunjukkan orang Melayu dan juga bumiputra Negeri-negeri Borneo. Perkataan-perkataan “Melayu” dan “bumiputra” masing-masingnya ada ditakrifkan dalam Perkara-perkara 160 dan 161A Perlembagaan. Orang-orang yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu mestilah menepati takrif itu supaya dapat dikelaskan sebagai bumiputra
- (b) Sesiapa yang menepati takrif itu akan menikmati hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan yang sama seperti yang diberi kepada orang-orang Melayu dan bumiputra.

MELAYU ATAU BUMIPUTRA—TAKRIF

45. Tuan Ng Hoe Hun minta Peguam Negara menyatakan:

- (a) tafsiran “Bumiputra”;
- (b) samada orang-orang China yang diperanakkan di Malaysia, tetapi tidak menganut ugama Islam boleh dianggap sebagai bumiputra; dan
- (c) samada orang-orang Arab dan Indonesia yang menganut ugama Islam boleh dianggap sebagai bumiputra.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:

- (a) Mengenai soalan (a), saya telah menjawab soalan ini.
- (b) Mengenai soalan (b) dan (c) pula, orang-orang yang Ahli Yang Berhormat sebutkan itu yang menepati takrif “Melayu” atau “bumiputra” sebagai-mana dinyatakan dalam Perlembagaan, bolehlah dikelaskan sebagai bumiputra.

ISTILAH “YANG BERTHORMAT”

46. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa perhubungan antara rakyat dan wakil-wakil mereka tidak begitu rapat kerana perkataan awalan Yang Berhormat yang digunakan kepada wakil-wakil ini menjadi pemisah dan jika ya, apakah langkah yang akan diambil oleh beliau untuk menghapuskan perkataan awalan ini melainkan kepada Perdana Menteri dan lain-lain Menteri.

Perdana Menteri: Wakil-wakil rakyat adalah dilantik oleh rakyat sendiri dan dengan demikian mereka semestinya menjalin perhubungan yang rapat dengan rakyat untuk mengetahui kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh rakyat. Jika seseorang wakil rakyat tidak berdamping rapat dengan rakyat maka ianya tidak dapat memainkan peranannya yang sewajarnya.

Saya tidak percaya istilah “Yang Berhormat” itu merupakan satu penghalang terhadap perhubungan rakyat dengan wakil rakyat.

PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN MELANJUTKAN PELAJARAN

47. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa pegawai-pegawai Kerajaan yang ingin melanjutkan pelajaran atau menjalani kursus dengan perbelanjaan mereka sendiri di dalam dan di luar negeri tidak diberi cuti belajar tetapi sebaliknya mereka disuruh meletakkan jawatan mereka, tetapi mereka yang melanjutkan pelajaran atau menjalani kursus dengan biasiswa Kerajaan diberi cuti belajar dengan gaji penuh, dan jika ya, adakah sebarang rancangan hendak memberi cuti belajar kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang hendak melanjutkan pelajaran atau menjalani kursus atau perbelanjaan mereka sendiri di masa hadapan dengan tak payah meletakkan jawatan mereka.

Perdana Menteri: Anggapan bahawa semua pegawai-pegawai Kerajaan yang hendak melanjutkan pelajaran mereka dengan belanja sendiri dikehendaki meletakkan jawatan terlebih dahulu adalah tidak benar.

Tidak semua pegawai yang hendak melanjutkan pelajaran mereka dikehendaki meletakkan jawatan. Banyak daripada mereka yang memohon telah diberi cuti tanpa gaji.

Sebenarnya Kerajaan mengambil berat akan kemajuan pegawai-pegawainya dan memberi sokongan yang sesuai kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran untuk membaiki masa depan mereka. Sebagai contoh, Kerajaan telahpun memberi kuasa kepada Ketua-ketua Perkhidmatan meluluskan permohonan pegawai-pegawai mereka untuk mengikuti kursus pengajian luar kampus di Universiti Sains Malaysia.

Kerajaan juga telah memberi peluang penggantian kontrek perkhidmatan bagi pegawai-pegawai untuk memajukan diri mereka dengan perbelanjaan sendiri. Selepas mendapat kelulusan tambahan itu mereka dikehendaki berkhidmat semula dengan Kerajaan.

Walau bagaimanapun, tidaklah dapat dinafikan bahawa kepentingan awam memerlukan bahawa setengah-setengah pegawai terpaksa meletakkan jawatan untuk membolehkan jawatannya itu diisi semula. Ini berlaku bagi perkhidmatan-perkhidmatan kecil di mana perjawatan dalamnya adalah terhad dan setiap jawatan tidak boleh dibekukan atau ditinggalkan kosong. Di samping itu pegawai-pegawai mungkin dikehendaki meletakkan jawatan mereka bila lapangan pelajaran yang diikuti tidak akan berguna kepada Jabatan yang berkenaan.

Pada amnya, Kerajaan akan menimbangkan permohonan untuk melanjutkan pelajaran dari pegawai-pegawai dengan perbelanjaan sendiri mengikut merit tiap-tiap kes. Kerajaan terpaksa menjaga kepentingan perjalanan jentera Kerajaan supaya licin setiap masa. Tambahan pula, pada masa sekarang permohonan belajar dari pegawai-pegawai semakin bertambah dan sekiranya kelulusan diberi untuk cuti panjang selama tiga tahun atau lebih dan jawatan-jawatan mereka dibekukan begitu sahaja, maka

banyak Jabatan-jabatan Kerajaan akan menghadapi kesukaran akibat kekurangan kakitangan.

IMPOT BARANG-BARANG CHINA

48. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan akan menimbang menghapuskan kehendak-kehendak bagi pengimpor barang-barang dari Republik Rakyat China :

- (i) untuk mendapat "Approved Permits" (A.P.s.) daripada PERNAS;
- (ii) untuk membayar $\frac{1}{2}\%$ cukai tambahan kepada PERNAS; dan
- (iii) untuk membayar wang sebanyak \$10 sebagai bayaran memproses bagi setiap jenis (kategori) barang yang diimpor.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Setakat ini Kerajaan belum lagi berhajat untuk menghapuskan aturcara yang ada sekarang terhadap pengimporan barang-barang dari Negeri China kerana aturcara ini adalah sesuai dengan Dasar Kerajaan untuk menggalakkan lagi hubungan perdagangan secara langsung antara Malaysia dan Negeri China,

ZON PERDAGANGAN BEBAS— CUKAI/DUTI EKSAIS

49. Tuan Walter Loh Poh Khan minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa semua bahan-bahan tidak langsung, tidak kira samada diimpor atau belian tempatan, yang digunakan oleh industri-industri di dalam Zon Perdagangan Bebas, tidak dikecualikan dari cukai dan duti eksais; jika ya, nyatakan samada beliau akan menimbang memansuhkan cukai dan duti eksais yang dikenakan sekarang supaya matlamat Zon Perdagangan Bebas tidak dikecewakan.

Menteri Kewangan (Tun Haji Abdul Razak): Layanan yang sedemikian adalah selaras dengan Akta Zon Perdagangan Bebas 1971. Adapun tujuan mengadakan menggalakkan perkembangan perusahaan-perusahaan berorientasi eksport dengan cara memudahkan pengimporan bahan-bahan mentah, belahan-belahan atau komponen-komponen, mesin-mesin dan lain-lain barang yang dikehendaki secara langsung di dalam pengeluaran barang-barang eksport

yang tertentu. Dengan adanya kemudahan ini pekilang-pekilang dalam Zon Perdagangan Bebas boleh mengimpot barang-barang tersebut untuk dibawa masuk ke dalam kilang-kilang masing-masing tanpa bayaran apa-apa duti dan juga dengan lebih cepat dan senang daripada biasa kerana pengimpotan itu adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan Kastam yang minima sahaja. Oleh yang demikian adalah difikirkan bahawa barang-barang yang dikehendaki secara tidak langsung itu tidaklah boleh diberi pengecualian duti.

KETURUNAN CHINA—KAD PENGENALAN MERAH

50. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) butir-butir mengenai 300,000 keturunan China yang bukan warganegara, seperti peratus mereka yang lahir di negeri ini, dan pekerjaannya; dan
- (b) nyatakan samada beliau akan menyegerakan kerja-kerja meluluskan permohonan warganegara dari 300,000 "stateless persons" dari keturunan China ini dan beribu-ribu lagi dari keturunan India yang telah berkorban dan berkhidmat kepada negara.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Ahli Yang Berhormat menyatakan ada 300,000 keturunan China yang bukan warganegara. Mengikut rekod Jabatan Pendaftaran ada hanya sebilangan lebih kurang 150,000 orang sahaja keturunan China yang memegang Kad Pengenalan Merah yang bukan warganegara pada 31-12-1973. Saya tidak dapat memberi butir-butir yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu.
- (b) (i) Nampaknya Ahli Yang Berhormat ini menggunakan perkataan yang boleh dikatakan sebagai "loose and sweeping" dalam menyatakan bahawa ada 300,000 orang bukan warganegara sebagai "stateless". Kita tidak boleh menganggap seseorang itu sebagai "stateless" dengan hanya berpandu kepada wajahnya sahaja. Undang-undang Kewarganegaraan adalah satu undang-undang yang kompleks.

Oleh itu sebelum seseorang itu dikatakan "stateless" mustahaklah diketahui tempat lahirnya, tempat kelahiran ibu bapanya dan juga negeri asalnya. Dari segi undang-undang Negeri China, misalnya, seseorang China itu dianggap warganegara Negeri China di mana juga ia berada. Oleh itu tidak benar dikatakan orang-orang ini "stateless".

- (ii) Suka saya jelaskan di sini bahawa tidak kesemua daripada orang-orang yang bukan warganegara membuat permohonan untuk menjadi warganegara negeri ini. Di atas permohonan-permohonan yang diterima bukanlah dasar Kementerian ini untuk melengah-lengahkan membuat keputusan. Memang tidak dinafikan ada juga permohonan-permohonan yang terlewat mendapat keputusan dan biasanya kelewatan ini berpunca daripada pemohon-pemohon itu sendiri, kerana mereka tidak memberi maklumat-maklumat yang lengkap, tidak dapat dihubungi dan sebagainya.

KOS SARA HIDUP— CEGAH KENAikan

51. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan kenaikan belanja sara hidup yang menyebabkan kesusahan kepada rakyat, samada beliau bercadang menghapuskan cukai tokok ke atas semua barang-barang impot.

Tun Haji Abdul Razak: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mengambil berbagai langkah untuk mencegah kenaikan kos sara hidup dan akan bersedia mengambil langkah-langkah lain jika perlu. Kos yang ditanggung oleh Kerajaan dalam melaksanakan langkah-langkah ini ialah lebih \$500 juta setahun. Pemansuhan cukai tambahan atas impot ini akan menghilangkan hasil sebanyak \$156 juta setahun. Kerajaan tidaklah dapat mengorbankan jumlah hasil yang sebesar ini. Lebih-lebih lagi, tidak ada jaminan bahawa harga-harga akan turun jika cukai tambahan itu dihapuskan.

UNDANG-UNDANG LAUT— PERSIDANGAN DI CARACAS

52. Tuan Peter Paul Dason minta Peguam Negara memberikan satu laporan mengenai segala persetujuan yang telah dicapai dalam persidangan "Law of the Sea" di Caracas baru-baru ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Persidangan mengenai Undang-undang Laut masih lagi diteruskan dan hanya akan tamat pada 29hb Ogos, 1974 dan oleh itu tidaklah dapat saya memberi laporan atas persetujuan yang dicapai di Persidangan itu.

PAKAIAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

53. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa pakaian-pakaian setengah-setengah pegawai-pegawai Kerajaan wanta di pejabat melanggar tatasusila, ketinggian nilai peribadi dan maruah masyarakat kita; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mewajibkan mereka memakai pakaian-pakaian yang tidak menjolok mata dalam waktu pejabat.

Perdana Menteri: Kerajaan sedar bahawa adanya beberapa pegawai-pegawai wanita Kerajaan yang memakai pakaian yang mungkin tidak begitu manis dipandang dan telahpun mengeluarkan satu panduan tentang pakaian pegawai-pegawai Kerajaan, lelaki dan perempuan, diwaktu pejabat menerusi Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/1974 bertarikh 7hb Januari, 1974. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pegawai-pegawai wanita, pakaian yang digalakkan adalah pakaian kebangsaan dan di samping itu mereka tidak dihalang memakai pakaian barat yang lengkap. Pakaian-pakaian yang menjolok mata ataupun yang mendatangkan berahi tidak dibenarkan sama sekali.

BANK PEMBANGUNAN ISLAM— PELABURAN

54. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) bentuk dan cara pelaburan yang akan dijalankan oleh Bank Pembangunan Islam untuk membantu usaha-usaha pembangunan di Malaysia;

- (ii) hubungan di antara Bank ini dengan Bank Islam yang pernah diura-urakan penubuhannya di Kelantan dan Sabah berikutan lawatan seorang pegawai Sekretariat Islam Jeddah.

Perdana Menteri:

- (i) Bentuk dan cara pelaburan yang akan dijalankan oleh Bank Pembangunan Islam adalah di dalam 2 corak; pertama penyertaan bersama (equity participation) dan keduanya pinjaman tanpa dikenakan faedah kecuali bayaran perkhidmatan;
- (ii) Bank Islam yang pernah diura-urakan dahulu tidak mendapat sokongan dari negara-negara Islam yang lain oleh sebab ianya mempunyai sifat-sifat bank perniagaan seperti Bank Bumiputra dan Bank Rakyat, yang mana telahpun ditubuhkan. Oleh yang demikian Bank Pembangunan Islam yang mempunyai sifat-sifat (characteristics) sebagai sebuah bank antarabangsa telah dicadangkan dan telah mendapat sokongan yang menyeluruh (overwhelming) dari negara-negara Islam di dunia ini.

NATHAN, B.S.—PECATAN DARI HOTEL FEDERAL

55. Dr A. Soorian minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) mengapa Kementeriannya enggan merujuk masalah pemecatan Encik B. S. Nathan dari Hotel Federal pada 20hb Mac, 1974 ke Mahkamah Perusahaan untuk pembicaraan, sungguhpun rayuan-rayuan telah dibuat oleh Encik B. S. Nathan sendiri, Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Hotel, Bar dan Restoran dan juga M.T.U.C. untuk tindakan seperti ini; dan
- (b) mengapa beliau tidak mahu memberi peluang kepada pekerja-pekerja yang dipecat supaya dibicara secara adil.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):

- (a) Penyiasatan sedang diambil oleh Kementerian saya untuk menentukan samada kes tersebut sepatutnya dirujuk ke Mahkamah Perusahaan, ataupun sebaliknya,

- (b) Samada penyiasatan dijalankan oleh Kementerian saya ataupun kes tersebut dibicarakan di Mahkamah Perusahaan, Dewan ini bolehlah yakin bahawa peluang yang saksama akan diberi kepada kedua-dua pihak.

PERDAGANGAN DENGAN CHINA

56. Tuan Loh Jee Mee minta Perdana Menteri menyatakan samada jaminan telah diperolehi semasa lawatan beliau ke Republik Rakyat China tentang mendapatkan barang-barang Republik Rakyat China dengan harga yang lebih murah.

Perdana Menteri: Soal perdagangan telah tidak dibincangkan semasa lawatan saya itu. Adalah menjadi harapan saya bahawa perdagangan di antara kedua negara akan bertambah luas setelah penubuhan hubungan diplomatik terjalin.

DUTA BESAR MALAYSIA KE CHINA

57. Dr A. Soorian minta Perdana Menteri menyatakan setelah lawatan beliau baru-baru ini ke Negeri China untuk menubuhkan perhubungan diplomatik dengan negeri itu, samada

- (a) Duta Besar Malaysia ke Negeri China telah dilantik; jika ya, sebut namanya;
- (b) Bank China akan ditubuhkan di Malaysia; jika ya, bila;
- (c) perjalanan bebas antara Malaysia dengan Negeri China akan dibenarkan; jika ya, bila; dan
- (d) beliau akan mengambil jurutera-jurutera dari Negeri China untuk membina Jambatan Pulau Pinang oleh kerana ini akan mengurangkan perbelanjaan.

Perdana Menteri:

- (a) Kerajaan sedang menimbangkan perkara ini.
- (b) Perkara ini tidak berbangkit pada masa ini.
- (c) Pada masa sekarang kedua pihak belum lagi menauliahkan Duta masing-masing, dan dari itu, buat masa sekarang dasar yang ada masih diteruskan. Perkara ini akan ditimbangkan apabila sampai masanya kelak.

- (d) Setakat ini Malaysia tidak mempunyai apa-apa pengalaman tentang jurutera-jurutera China. Bagaimanapun pengambilan mereka mungkin dapat diperimbangkan kelak apabila kena pada masanya.

DISIPLIN DI PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN/BADAN BERKANUN

58. Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa ada terdapat pegawai-pegawai Kerajaan serta kakitangan badan-badan berkanun yang berambut panjang, berjanggut dan bermisai yang tidak dijaga dengan sempurna sehingga mencerminkan keadaan tidak berdisiplin dalam pejabat-pejabat Kerajaan; jika ya, nyatakan tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

Perdana Menteri: Kerajaan adalah sedar atas soal yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Oleh kerana kita mengamalkan demokrasi dan memegang (uphold) teguh kepada kebebasan, Kerajaan tidak bertujuan mengambil tindakan atas perkara ini. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara ini adalah melibatkan kebebasan peribadi (personal freedom). Keadaan yang terdapat sekarang tidaklah begitu berluasan (wide-spread) dan tidak membawa kesan (effect) kepada tatatertib (discipline) atau kecekapan (efficiency) di Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.

CHINA YANG BUKAN WARGANEGARA

59. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) samada perkara mengenai 200,000-300,000 orang keturunan China di Malaysia yang bukan warganegara telah pernah dibincangkan dengan Pengerusi Mao Tse-tung, Perdana Menteri Chou En-lai ataupun mana-mana pemimpin China semasa lawatan rasmi beliau selama enam hari ke Republik Rakyat China; jika ya, berikan satu lapuran mengenai perbincangan-perbincangan itu; dan
- (ii) samada Kerajaan Malaysia akan memberi taraf kewarganegaraan Malaysia kepada mereka yang tersebut itu

yang telah lahir di Malaysia atau telah menghabiskan sebahagian besar penghidupan mereka di Malaysia, telah berakar di tanahair Malaysia, dan tidak mempunyai apa-apa niat untuk kembali atau pergi ke Republik Rakyat China.

Perdana Menteri:

- (i) Perkara ini termasuk di dalam Kenyataan saya pada hari ini.
- (ii) Perkara ini telah saya jawab semasa menjawab soalan nombor 40 dari Ahli Yang Berhormat dari Batu.

HADIAH-HADIAH BERHARGA DARI KERAJAAN ASING—LARANGAN

60. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa semenjak tahun 1957, ramai Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Pegawai-pegawai Kerajaan telah menerima hadiah-hadiah yang berharga daripada Kerajaan-kerajaan asing dalam bidang tugas rasmi mereka; jika ya, samada Kerajaan bercadang mengambil hadiah-hadiah ini sebagai harta Kerajaan.

Perdana Menteri: Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri adalah dilarang menerima hadiah-hadiah yang berharga daripada mana-mana pihak, samada daripada Kerajaan Asing ataupun daripada lain-lain orang, dalam bidang tugas rasmi mereka. Sungguh pun demikian, sesuatu hadiah yang dilarang diterima itu diberi dalam hal keadaan yang tidak mungkin dapat ditolak (mitalnya jika niat hendak memberi hadiah itu tidak diberitahu terlebih dahulu) maka hadiah itu bolehlah diterima dengan rasmi tetapi hendaklah dilaporkan kepada saya.

Bagi pegawai-pegawai Kerajaan penerimaan hadiah-hadiah adalah dilarang melainkan dalam keadaan-keadaan yang tidak dapat dielakkan. Dalam hal ini saya suka merujuk Ahli Yang Berhormat itu kepada Perkara 5, Bahagian 1, di bawah Bab D, Peraturan-peraturan Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib), 1969.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN 18 (2)

Tuan Yang di-Pertua: Ada satu permintaan menangguhkan Mesyuarat oleh Ahli Yang Berhormat dari Datuk Keramat di bawah Peraturan 18 (2). Saya minta Setiausaha membacakan suratnya.

(Setiausaha membacakan surat tersebut)

Usul yang diterima daripada Yang Berhormat Tuan V. David.

“Dewan ini sangatlah berasa dukacita dan tidak puashati terhadap cara-cara pengambilan penuntut-penuntut universiti untuk tahun 1974 dan juga lain-lain tempat pengajian tinggi di mana pengambilan penuntut-penuntut yang mencerminkan kepada bilangan kaum dalam masyarakat kita yang berbilang bangsa ini. Memandangkan kepada keadaan yang begitu serius sekali saya memohon Kerajaan membuat kajian dengan serta-merta di atas pengambilan penuntut-penuntut dalam pengajian tinggi. Pengambilan penuntut-penuntut dalam tempat-tempat pengajian tinggi seharusnya mestilah mencerminkan bentuk berbagai-bagai kaum dan masyarakat kita berdasarkan kepada penyiasatan yang dibuat oleh Kerajaan baharu-baharu ini di atas penduduk negeri ini.

Jika seharusnya mustahak pengambilan-pengambilan haruslah ditambah lagi bagi memberikan keadilan dan persamaan bagi semua penuntut-penuntut yang datang dari berbagai rupa dan bentuk kaum. Arahan-arahan patutlah dikeluarkan oleh Menteri Pelajaran kepada semua tempat pelajaran tinggi iaitu kemasukan penuntut tidaklah seharusnya diabaikan kepada mana satu kaum yang harus mendapat bahagian dan kesempatan bagi mendapatkan pelajaran tinggi.

Yang benar,
(V. DAVID).”

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah mengkaji permintaan itu dan saya berpendapat dari segi perkara yang tertentu yang berkehendakkan disegerakan dan yang penting, saya tidak dapat mengizinkan, oleh kerana langkah-langkah yang sewajarnya telah diambil oleh pihak yang berkenaan dengan kehendak disegerakan.

Universiti-universiti telahpun memulakan Tahun Pengajian masing-masing dan urusan pengambilan penuntut-penuntut baharu sahaja selesai. Saya juga tidak berpuashati atas perkara ini dari segi kepentingan orang ramai oleh kerana pihak yang berkenaan dan yang tertentu sahaja yang terlibat. Juga saya suka menyatakan bahawa usaha-usaha untuk menyusun semula masyarakat di negara ini sedang diberi keutamaan oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, saya tidaklah memberi izin.

KENYATAAN PERDANA MENTERI LAWATAN RASMI KE REPUBLIK RAKYAT CHINA

3.43 ptg.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Tuan, saya suka membuat satu kenyataan mengenai lawatan rasmi saya ke negara Republik Rakyat China (R.R.C.) baru-baru ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah melakukan lawatan rasmi ke Republik Rakyat China dari 28hb Mei hingga 2hb Jun, 1974 atas undangan Perdana Menteri Chou En-lai. Satu Kenyataan Bersama oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China telah ditandatangani di Peking pada 31hb Mei, 1974, iaitu pada akhir lawatan saya ke Peking dan dikeluarkan serentak di Kuala Lumpur dan di Peking pada hari yang tersebut. Isi kandungan Kenyataan Bersama itu telah disiarkan sepenuhnya dan dalam kenyataan ini saya akan menerangkan dengan lebih lanjut mengenai beberapa issue yang terkandung dalam Kenyataan Bersama itu.

Semasa saya berada di R.R.C., saya telah dapat menemui serta bertukar-tukar fikiran dengan Pengerusi Mao Tse-tung, Perdana Menteri Chou En-lai, Naib Perdana Menteri Li Hsien-Nien dan juga pemimpin-pemimpin China yang lain. Perbincangan-perbincangan telah dijalankan dalam suasana persahabatan dan terus terang dan pada hemat saya, perbincangan-perbincangan itu telah menolong kedua-dua pihak menerima dan lebih memahami dasar dan pendirian masing-masing dalam satu-satu perkara. Memang terdapat hasrat dan kejujuran kedua-dua pihak Malaysia dan R.R.C. hendak menjalin perhubungan persahabatan, mu-

hibbah dan persefahaman berasaskan dasar hormat-menghormati serta tidak campur tangan dan saya tidak syak lagi lawatan saya itu telah memberikan sumbangan yang besar ke arah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rangka lawatan saya itu saya telah melawat beberapa tempat bersejarah yang penting seperti Tembok Besar (Great Wall of China), Makam Sejarah Maharaja Ming, Muzium Istana Maharaja (Forbidden City) serta lain-lain institusi penting seperti Perkampungan (Commune), Universiti dan juga Pamiran Perindasterian. Di mana-mana jua saya pergi, saya dan rombongan telah diberi sambutan yang sangat meriah dan penuh kemesraan. Saya percaya ini merupakan satu penghormatan kepada negara kita serta membuktikan hasrat sebenarnya rakyat dan Kerajaan China hendak menjalin perhubungan persahabatan yang berkekalan dengan kita.

Sepanjang masa kami berada di R.R.C., kami telah diberi layanan yang baik dan semuanya ini dilakukan untuk kesenangan dan kesejahteraan rombongan Malaysia. Saya ingin menyatakan penghargaan yang tidak terhingga kepada Kerajaan R.R.C. atas layanan baik itu dan lain-lain usaha yang mereka jalankan untuk menjadikan lawatan itu sungguh berhasil dan sangat menyenangkan.

Sebagaimana kita semua maklum, Kenyataan Bersama 31hb Mei yang dengan rasminya memetrikan perhubungan diplomatik antara Malaysia dengan Republik Rakyat China itu telah menyentuh beberapa prinsip mengenai perhubungan persahabatan Malaysia-Republik Rakyat China. Prinsip-prinsip itu adalah besar maknanya kepada kita di masa hadapan.

Dalam perbincangan-perbincangan saya dengan Pengerusi Mao Tse-tung, Perdana Menteri Chou En-lai dan Naib Perdana Menteri Li Hsien Nien serta pemimpin-pemimpin China yang lain, saya telah diberi keyakinan yang tegas bahawa R.R.C. mensifatkan sakit-baki pengganas-pengganas dalam negara kita sebagai masalah dalam negeri kita sendiri dan terpulanglah kepada kita untuk mengambil tindakan yang kita fikirkan مناسب. Ini adalah sejajar dengan kelima-lima prinsip hidup bersama, aman damai

sebagaimana yang diterangkan dalam Kenyataan Bersama itu, iaitu hornat-menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah negara masing-masing, tidak ceroboh-mencerobohi antara satu sama lain dan tidak mencampuri hal ehwal dalam negeri masing-masing, persamaan taraf serta kepentingan bersama dan hidup bersama dengan aman damai. Di samping itu, Republik Rakyat China bersama-sama dengan kita telah dengan tegasnya menyatakan penentangan terhadap pencerobohan, campurtangan, penaklukan serta kegiatan subversif oleh kuasa asing dan mengakui bahawa sistem sosial dalam sesebuah negara adalah hak mutlak rakyat negara tersebut memilih dan menentukannya. Semuanya ini adalah hakikat yang harus diterima oleh pengganas-pengganas kominis sekarang ini.

Sistem sosial dalam negara ini telah dipilih dengan bebas oleh rakyat kita sendiri. Sebaliknya pula pengganas-pengganas itu cuba memaksakan satu sistem yang bertentangan dengan ideologi kebangsaan kita iaitu Rukunegara. Pengganas-pengganas juga cuba dengan cara kekerasan hendak menggulingkan Kerajaan yang sah dan dipilih oleh rakyat secara demokrasi, yang diakui oleh semua negara di dunia termasuklah oleh Republik Rakyat China sendiri.

Pengganas-pengganas sekarang ini mestilah menghadapi kenyataan dan menyedari bahawa perjuangan mereka adalah hampa dan sia-sia sahaja. Mereka tidak mempunyai alasan lagi untuk meneruskan perjuangan dan melakukan pembunuhan kejam ke atas rakyat yang tidak berdosa. Dalam kenyataan-kenyataan saya semenjak saya pulang dari lawatan ke Peking, saya telah menarik perhatian mengenai perkara-perkara ini dan menggesa pengganas-pengganas kominis itu supaya meletakkan senjata, menghentikan perjuangan dan kembali ke pangkuan masyarakat. Saya suka mengulangi di sini seruan saya itu.

Selanjutnya saya suka menyentuh mengenai masalah Taiwan. Kenyataan Bersama Peking pada 31hb Mei, menegaskan lagi pengiktirafan Kerajaan Malaysia terhadap Kerajaan Republik Rakyat China sebagai Kerajaan yang tunggal dan sah bagi negeri China dan Taiwan adalah sebahagian daripada wilayah Republik Rakyat China. Ini memanglah pendirian kita selama ini. Sungguhpun kita mempunyai perhubungan

konsul dengan Taiwan semenjak tahun 1965, kita sentiasa menjelaskan ini tidaklah boleh ditafsirkan sebagai pengiktirafan kita kepada Kerajaan Taiwan.

Sesuai dengan taraf baru kita dengan Republik Rakyat China, Pejabat Konsul kita di Taiwan dan Pejabat Konsul Besar Taiwan dan lain-lain agensi Kerajaan Taiwan di Kuala Lumpur telahpun ditutup. Mulai tarikh itu, perhubungan kita dengan Taiwan adalah terhad kepada perhubungan rakyat dengan rakyat dan atas asas keadaan setempat. Ini bermakna tidak ada halangan bagi rakyat Malaysia secara perseorangan melawat Taiwan, menjalankan urusan per-sendirian, berdagang dan sebagainya atau menjalankan lain-lain urusan perniagaan biasa.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting bagi rakyat Malaysia hasil dari lawatan saya ke Republik Rakyat China ialah mengenai kedudukan orang-orang keturunan China di Malaysia.

Dalam bidang lawatan saya itu, saya telah menerangkan kepada pemimpin-pemimpin China mengenai rakyat berbilang kaum yang tinggal di Malaysia dan usaha-usaha kita hendak mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatupadu dari rakyat yang berbilang kaum ini. Pemimpin-pemimpin China telah menunjukkan simpati dan persefahaman terhadap matlamat kita hendak mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatupadu dan telah menekankan dengan tegasnya pandangan mereka bahawa kedudukan masa depan orang-orang China Seberang Laut adalah ditentukan oleh Kerajaan dan rakyat negara yang mereka diami; bahawa mereka hendaklah mematuhi undang-undang; mereka hendaklah mengikuti adat resam negara mereka sendiri, negara yang mereka diami pada hari ini, dan mereka hendaklah menganggap diri mereka sebagai sebahagian dari masyarakat tempatan dan bukan terpisah darinya. Nasihat ini seharusnya diingati oleh semua orang-orang keturunan China di Malaysia ini.

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Kenyataan Bersama itu, kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China tidak mengiktiraf dua kerakyatan. Ini bermakna bahawa orang-orang keturunan China yang telah mengambil atau mendapat kerakyatan Malaysia dengan secara

otomatik tidak lagi menjadi rakyat China dan Kerajaan R.R.C. tidak mempunyai apa-apa hak terhadap mereka itu. Bagi orang-orang keturunan China yang lain yang telah bermastautin di Malaysia, yang tidak menjadi rakyat Malaysia atau rakyat negeri ketiga, kita telah bersetuju bahawa jika mereka ingin terus dianggapkan sebagai rakyat Republik Rakyat China, kita akan iktirafkan mereka sebagai rakyat R.R.C. dengan syarat mereka mempunyai dokumen-dokumen dari Kerajaan R.R.C. yang menunjukkan mereka itu rakyat negara tersebut.

Kita juga telah menentukan bahawa mengikut undang-undang yang ada sekarang dan untuk mengurangkan sebarang kesukasan dan kesukaran mereka yang telah bermastautin di Malaysia yang tidak mendapat kerakyatan Malaysia, boleh terus tinggal di negeri ini seperti di masa-masa lalu. Perbincangan lanjut akan diadakan selepas kedua-dua negara menubuhkan kedutaan masing-masing bagi menyelesaikan masalah kewarganegaraan orang-orang yang terlibat itu. Perkara ini merupakan butir-butir pentadbiran sahaja dan saya tidak menjangka akan menimbulkan ke-rumitan atau memakan masa yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada pentingnya lawatan saya ke negara Republik Rakyat China itu, saya berpendapat bahawa wajar bagi saya membuat kenyataan ini di Dewan ini pada petang ini, begitu juga disebabkan oleh banyak soal-soal terhadap perkara ini. Saya percaya tidak syak lagi lawatan tersebut telah berjaya meliputi prinsip-prinsip perkecualian dan persahabatan yang boleh memandu dasar luar negara kita dan usaha kita mewujudkan perhubungan baru dan penting di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China (*Tepuk*).

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SARAWAK) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak Bab 90); dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali

yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SABAH) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah Bab 156); dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG ACARA KEWANGAN DAN KUMPULANWANG PEMBANGUNAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Acara Kewangan, 1957 dan Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1973 DAN 1974)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1973 dan 1974 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG DISATUKAN (PERBELANJAAN MASUK AKAUN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun perkhidmatan yang berakhir pada tiga puluh satu hari bulan Disember, 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat

oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERSEKUTUAN PENGAKAP- PENGAKAP MALAYSIA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menukar nama Persekutuan Budak-budak Pengakap Malaysia, memperuntukkan penalti bagi mana-mana daripada kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalamnya dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkenaan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG POLITEKNIK UNGKU OMAR

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan penubuhan, penyenggaraan, dan pentadbiran Politeknik Ungku Omar dan bagi perkara-perkara lain berhubung dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pelajaran; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PELAJARAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Pelajaran, 1961; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pelajaran; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERSATUAN NELAYAN DAN LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Persatuan Nelayan, 1971 dan Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan; dibacakan kali

yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG RACUN MAKHLOK PEROSAK

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengawal racun makhlok perosak; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG VETERINAR

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk pendaftaran dan pengamalan veterinar-veterinar dan bagi maksud-maksud negara membuat peruntukan-peruntukan tertentu mengenai suatu tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan-perkhidmatan awam selepas pendaftaran; dan bagi membuat peruntukan-peruntukan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengan perkara-perkara yang tersebut di atas; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN (PERUNTUKAN- PERUNTUKAN SEMENTARA (PINDAAN))

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara), 1973; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN PETROLIAM

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk suatu perbadanan mencari dan mengeksploit petroliam samada di pantai atau di luar pantai dan pada perbadanan itu akan diletakhakkan seluruh pemunyaan mengenai

petroleum tersebut dan juga hak-hak, kuasa-kuasa, kebebasan-kebebasan dan keistimewaan-keistimewaan eksklusif berkenaan dengannya dan untuk mengawal perjalanan aktiviti-aktiviti penggunaan dan kemajuan berhubung dengan petroleum dan keluaran-keluarannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perusahaan Utama; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN MELALUI UDARA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menguatkuasakan Konvensyen-konvensyen tertentu berhubung dengan pengangkutan melalui udara dan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkenaan dan bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perhubungan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG

4.03 ptg.

Tuan V. David (Datuk Keramat): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I beg leave of this House to move a motion on basic living wage. The motion reads as follows:

That this House, desiring to save the workers from oppressive wages and unlimited exploitation, grant leave to the Member for Datuk Keramat to introduce a Bill intituled "BASIC LIVING WAGE ACT, 1974" which seeks legislation to fix a BASIC LIVING WAGE by law and that any wage that is paid by industries below the wage that is specified in the law shall be an offence; that employers would however be permitted to offer more but not less than the BASIC WAGE; that Trade Unions would be entitled to negotiate more than the BASIC LIVING WAGE by mutual collective agreement for the BASIC LIVING WAGE is only the minimum, not the maximum.

Mr Speaker, Sir, when seeking leave to move this Bill, first of all, in the light of rapid industrialisation and in the midst of foreign capital playing a major role in our developing economy, it is absolutely necessary that some form of legislation should be there to prevent greedy entrepreneurs coming to this country to reap the maximum profits within a short period.

Sir, there should be some form of standard where the worker is allowed to earn a living within the terms and definitions of the international standards—the ILO Conventions—so that the worker could live with his family in frugal comfort in a civilised community, and it is the responsibility of the State to see that such legislations are framed to allow the workers to enjoy the economic development of the country.

Sir, when all is said and done about the Second Malaysia Plan and the New Economic Policy, the beneficiaries of all this progress and development should be the workers. But if they are allowed to be exploited ruthlessly by capitalists and those who invest in this country with no other motive except to reap the maximum profits, then I am sure the Government is not keeping within the intended objectives.

Mr Speaker, Sir, we find most of the industries in this country, paying a daily wage of \$1.50, \$2.00 and the maximum of \$2.50 in certain electronic factories. If this is so, the Government is abetting and aiding employers knowing that a family cannot exist in this country in the midst of the prevailing inflation with \$1.50 or \$2.50. The Bill seeks legislative protection. Such protection is found in many countries of the world and in all those countries, though the minimum wage law is there, the trade unions at all times have negotiated more than what is specified in the law.

Sir it is a social evil on the part of society to see the workers underpaid, i.e. paid below what they are entitled to. This matter has been raised in this House many times but the Government has found an excuse in rejecting it by saying that the workers in the rural areas do not enjoy what is being enjoyed by the workers in the urban industries. Sir, this cannot be a genuine and reasonable cause to delay the implementation of a fair living wage.

Mr Speaker, Sir, Malaysia has played a prominent part in the International Labour Organisation and other United Nations Agencies and I think it is time that this country should have laws that would protect the social element of the workers. Sir, among all factors in any country, the human factor is the most important factor and if the human factor is ignored or allowed to be exploited, then we are not reaching the so-called *masyarakat adil*—social justice.

Mr Speaker, Sir, it would be needless for me to elaborate at length as by this motion I am only seeking permission to introduce the Bill. There are no other motives, except that from the trade union point of view and from the workers point of view it is time that we should have a living wage law, a law that will give protection to the weak, defenceless and innocent workers of this country. We have allowed investors to exploit our workers to the maximum and many industries have reaped profits within a short period which normally cannot be done and this has been done at the expense of the sweat of the poor workers.

Sir, I seek the support of this House without any party affiliation or party feelings because this is good for all and it is for the cause of the workers. If such a law is brought about, we can save the workers from all forms of pitfalls which are being experienced by the workers.

Tuan V. Veerappen (Seberang Selatan):
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka):
Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya berikan sedikit pandangan mengenai Usul ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh!

4.10 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka):
(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, since the resumption of Parliament in February, 1971 till now, one of the constant themes my colleagues and I in the D.A.P. have kept pressing for in this Chamber is for the enactment of legislation to fix basic minimum wages for workers, to ensure that they and

their dependants enjoy the basic human needs of food, clothing, housing and schooling.

Unfortunately, this proposal, to my knowledge, had never received the serious consideration of the Government, probably for the simple reason that there is not a single Cabinet Minister who had a labour past and who understands and sympathises with the sufferings and aspirations and hopes of the working class. Now and then, of course, Government Ministers would express surprise at the low wages that are being paid to workers. Thus, at the end of last year, the Honourable the Prime Minister himself while on a visit to Johore Bahru, expressed shock that workers were being paid \$1.50 to \$2 a day, and he directed a study on the low wages being paid to workers. Nothing, however, came out of such study or expression of Ministerial concern. In fact, as far as I know, the question of the feasibility of introducing legislation to fix a minimum wage for workers had never merited sufficient Government attention in the form of a Cabinet Paper for top Government study and decision. The question is killed at the lower Labour Ministerial levels. The need for a minimum basic wage to ensure that workers get a basic human condition of life is more and more urgent, with the unchecked inflation in the country, which according to the latest Consumer Price Index is now around 19%. Workers' incomes and purchasing power have been slashed so drastically that there is a great drop in their standard of living. Even the cost of living allowance that is being paid by the Government to Government employees as relief allowance has failed to restore the purchasing power of the lower income groups. As a result of the unchecked inflation, which has reduced further the already meagre earnings of the workers, industrial unrest has multiplied in the country.

These are the figures of strikes and the number of man-days lost in the last five years to show the seriousness of the problem.

In 1969, there were 49 strikes involving 8,750 workers and 76,779 man-days lost. In 1970 there were 17 strikes, 1,216 workers were involved and 1,867 man-days were lost. For 1971, this has shot up to 45 strikes, 5,311 workers involved and 20,265 man-days lost. In 1972, there were 66 strikes involving 9,701 workers and loss of 33,455 man-days. In

1973, 66 strikes, 14,000 workers involved and 40,866 man-days lost. For the first quarter of 1974, up to 31-3-1974, there have already been 29 strikes involving 29,770 workers and the loss of 13,809 man-days.

Thus, this year, from the first quarter's trend, the number of workers involved in strikes will increase by one hundred-fold when compared to 1970, while the total number of man-days lost will increase by about 60-fold. If we make a dispassionate study, we find that at the root of the mounting industrial unrest throughout the country is the common factor of the workers not being paid sufficiently to make ends meet.

For industrial peace, for social justice, the Government should not delay any longer in enacting minimum wage legislation for workers. The Minister of Labour and Manpower had said in this House, when replying to a question by my colleague for Seremban Timur, that the reason why the Government did not agree to a minimum wage legislation was because wages and conditions of employment were generally worked out through collective bargaining, and that the Government encouraged both employers and workers to be adequately organised.

The enactment of a minimum wage legislation is not a substitute for collective bargaining between employers and workers, but a recognition of the fact that collective bargaining, unregulated in the form of fixing a minimum wage, is in fact permitting the stronger party, namely the managements, to dictate the terms of employment and wages which it could impose on the weak, especially the unorganised, workers who constitute 90 per cent of the working population.

Malaysia has not yet reached a stage when all employers have a social conscience and will not exploit workers to the utmost for the object of maximising profits, regardless of the hardships and sufferings of the workers. Collective bargaining and industrial relations in Malaysia is still very much the law of the jungle—the survival of the strongest. Invariably it is the managements who are stronger than the works.

Thus, only a few days ago, in Malacca, the Sin Heng Chan (Malaya) Sdn. Bhd., the biggest animal-feed factory in Malaysia, which makes millions of dollars of profits a year, terminated the services of 35 workers

who had worked from 8 to 12 years, not because the company was making losses but because the company was expanding and modernising and making profits. These 35 workers could be re-fitted in other jobs in the company, but the company, instead of rewarding the workers for the years of dedication and hard work which make the factory's present modernisation and expansion programme possible, terminated their services and threw them out into the unemployment heap.

It is such management attitude, completely without sympathy for the hardships and the plight of the workers, which calls for legislation to fix minimum wages to prevent capitalist exploitation of cheap labour.

I know that when Malaysian Ministers go overseas to attract foreign investment, one of the temptations they offer is that in Malaysia there is very cheap and very docile labour, where the capitalists are allowed free rein in their exploitation of labour. Thus, in the May issue of the American journal for American capitalists, *Fortune*, the Federal Industrial Development Authority (FIDA) took out a special advertisement, proclaiming that Malaysia has the highest per capita income in Asia after Japan and Singapore, but where the wage rates are among the lowest in the region. This is the real reason why the Government has up to now refused to introduce minimum wages, for it wants to allow the capitalists from foreign countries to come and exploit them. This FIDA advertisement sums up in a capsule the nature of economic development in the country, namely, that while every year there is economic development, the Gross National Product increases and the national per capita income goes up, the workers and the poor as a whole become poorer. This is because the poor and the workers do not enjoy the benefits from the fruits of economic development which go to the monied interests and the rich. This is why in Malaysia as elsewhere, rising G.N.P. and increasing national per capita income does not mean that poverty is steadily being eliminated, or that there is a fairer distribution of wealth and income in the country. The reverse is in fact taking place. With the growing G.N.P. and national per capita income, the rich are becoming richer while the poor have grown poorer. The enactment of minimum wage

legislation could be an instrument to ensure a fairer distribution of incomes from the fruits of economic development for the workers.

It is not widely known that when the Minister of Labour and Manpower was elected President of the International Labour Organisation in 1970, the I.L.O. adopted a Convention, Convention 131 of 22nd June 1970, called the Minimum Wage Fixing Convention. Malaysia has not ratified this I.L.O. Convention on Minimum Wage Fixing, although the Minister of Labour was President of the I.L.O. It would be the height of international hypocrisy if we continue to flout this Convention and refuse to ratify it. For this reason, I would join the Member for Datuk Keramat to urge all Members of Parliament regardless of party, to support this Motion to give time for this private Member's Bill to fix a basic minimum wage to be introduced in this House.

4.19 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan pandangan atas usul meminta gaji yang minima bagi pekerja-pekerja kita dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya sangat bersimpati dengan buruh-buruh yang ada dalam tanahair kita ini, tetapi atas alasan yang dikemukakan oleh rakan saya dari Datuk Keramat dan disokong oleh Yang Berhormat dari Bandar Melaka, maka perkara-perkara ini menurut hemat saya belum sampai masanya lagi Rang Undang-undang ini kita adakan dalam negeri ini. Saya akan memberikan pandangan dalam beberapa perkara, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama sekali, negara kita baru membangun. Kita tidak boleh mengikuti negara-negara moden yang telah membangun yang telah hidup beberapa lama dengan perindustrian. Selain daripada itu, negara-negara yang membangun juga pada masa sekarang ada setengah negara belum lagi menguatkuasakan Akta seumpama ini.

Saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Datuk Keramat gaji-gaji buruh di India adalah mendukacitakan. Gaji buruh di sini ada lebih baik.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita masih memerlukan pelaburan modal yang banyak dalam negara ini dengan mendirikan industri. Kalau kita memaksa mengadakan satu Akta menentukan gaji yang tertentu, kita kuatir bahawa kemudahan-kemudahan yang akan diperolehi oleh pelabur modal daripada luar negeri itu akan tersekat, mereka akan menanam modal kepada negeri-negeri lain, sebab setengah-setengah negeri mengalu-alukan segala pemodal asing masuk ke negerinya dan memberikan berbagai kemudahan. Ketika ini kalau pelabur asing tidak mahu menanam modal dalam negeri ini siapa yang rugi, negara ini rugi, bukan Ahli Yang Berhormat dari Datuk Keramat. Jadi kita mestilah fikirkan kepentingan negara dahulu sebelum kita fikirkan kepentingan sesuatu.

Yang ketiga, sejak perindustrian tumbuh dalam negara ini, bagi pihak kami penduduk luar bandar berasa syukur kerana penganggur berasa lega walaupun belum ada gaji minima, tetapi pada orang yang di luar-bandar, khasnya orang Melayu dengan adanya industri itu di seluruh tanahair kita ini mereka berhijrah pada industri itu dengan diberikan upah. Saya hendak menarik perhatian Ahli Yang Berhormat daripada penduduk luar bandar duduk di luar bandar tak ada gaji, menganggur, tetapi sekarang dia bekerja di industri dan fakteri dapat gaji \$2—\$3, mana lebih baik mereka ini dapat duit daripada tidak dapat duit? Walaupun dia memberi tenaga tetapi ada upahnya yang tertentu. Keadaan ini sangat menyenangkan hati, khasnya penduduk luar bandar walaupun tidak ada gaji minima.

Yang keempat, selama ini pihak majikan juga memberikan gaji kepada mereka mengikut keadaan industri. Pihak Kementerian Buruh dan pihak majikan sentiasa memikirkan kebajikan pekerja-pekerja kita. Dengan keadaan yang begini, satu harapan baik bahawa buruh-buruh dalam negara kita ini sentiasa diperlindungi, sentiasa dilihat oleh Kementerian berkenaan.

Yang kelima, saya hendak contohkan pekerja ladang, walaupun tak ada gaji minima pekerja-pekerja ladang sudah baik, mereka dapat berbagai kemajuan dengan adanya perundingan di antara majikan, pekerja dengan Kementerian. Di ladang sekarang, mereka senang hati dengan gaji yang diterima sekarang dengan tak ada gaji

minima. Saya fikir sistem yang dibuat di Malaysia ini sangat sesuai pada masa sekarang.

Akhirnya, mengenai keadaan buruh di Malaysia ini pada segi kacamata buruh antarabangsa sangat baik. Oleh itu, Rang Undang-undang yang hendak dibawa itu belum sampai masanya. Kalau negara kita ini sudah moden, sudah jadi negara industri yang membangun seperti negara-negara yang maju, masa itu boleh kita fikirkan usul ini. Pada masa sekarang belum boleh lagi.

Tuan Yang di-Pertua, inilah alasan saya menentang usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Datuk Keramat.

4.25 ptg.

Tuan Luhat Wan (Baram): Tuan Yang di-Pertua, saya turut juga memberikan sedikit pandangan mengenai usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Datuk Keramat.

Saya dengan hati yang gembira memberikan sokongan yang penuh terhadap usul ini, kerana pada masa ini kita semua ketahui bahawa keadaan yang begitu teruk sedang dialami oleh masyarakat kita iaitu pihak pekerja-pekerja sebagai buruh-buruh kasar yang sedang menerima gaji yang tidak cukup untuk kehidupan mereka. Oleh yang demikian, saya suka merayu kepada Menteri yang bertanggungjawab terhadap perkara ini supaya beliau memberikan pertimbangan yang begitu baik untuk menyelaraskan kehidupan rakyat yang miskin di dalam negara kita. Oleh kerana pada masa ini negara kita yang sedang maju dan kita juga sedang mengalami kekurangan pekerja-pekerja, bukan kerana kita kekurangan tenaga, akan tetapi kebanyakan pemuda-pemudi di negara ini enggan bekerja di kilang-kilang ataupun industri oleh kerana gajinya sangat rendah.

Kita sekalian sedar keadaan inflasi pada masa ini sedang menimpa negara kita. Kita sedia maklum perkara ini harus ditimbangkan supaya menolong rakyat yang miskin di negara Malaysia pada masa ini. Dan juga negara kita sekarang sedang membuat berbagai rancangan seperti menanam kelapa sawit di beberapa tempat di negara Malaysia.

Kita juga sedar bahawa pekerja-pekerja buruh kasar adalah sangat kekurangan pada masa ini, sebagaimana saya sebutkan tadi bukan kita kekurangan tenaga, tetapi pemuda-pemudi di negara kita enggan bekerja di kilang-kilang ataupun di kebun-kebun oleh kerana gajinya sangat murah negara kita terpaksa pada masa ini mengambil orang asing yang datang dari negeri yang lain. Ini baik juga, akan tetapi ada juga buruknya. Jika mereka itu bekerja dengan taat setia ataupun berkhidmat untuk negara kita mungkin mendapat keuntungan yang begitu penting, akan tetapi jika mereka itu hanya datang untuk mendapat gaji mereka sahaja dan tidak mahu bekerja dengan hati yang setia kepada negara kita, kita akan menerima kerugian juga. Dan juga kebanyakan mereka itu sekarang ini bukan warga-negara, maka jelas sekali kebanyakan daripada mereka itu tidak taat dan tidak setia kepada undang-undang atau peraturan di negara kita dan melakukan kacau-bilau di setengah tempat di negara Malaysia. Ini bukan hanya kabar angin sahaja oleh kerana perkara ini benar berlaku di Bahagian Keempat di pasar Miri pada beberapa minggu yang lalu, akan tetapi malangnya perkara ini tidak disiarkan dalam radio dan suratkhbar. Maka saya harap supaya Menteri berkenaan dapat menyelesaikan perkara ini dan memberi bantuan yang begitu baik kepada pekerja-pekerja kita di dalam negara Malaysia. Dan juga kebanyakan konterek-konterek yang diadakan pada masa ini iaitu sebagaimana yang telah berlaku pada masa ini di kilang-kilang kayu balak ataupun dibagikan tempat di negara kita bukan diberi kepada bumiputra yang ada kelayakan untuk mengerjakan perkara ini, akan tetapi top priority sentiasa diberi kepada orang yang bukan warganegara, orang yang datang dari Korea ataupun dari Jepun. Pada hal pada masa ini, kita ada orang-orang yang mempunyai kelayakan untuk bekerja ataupun untuk mengambil konterek-konterek yang sedemikian. Inipun haruslah diselidiki oleh Menteri yang bertanggungjawab supaya perkara ini dapat diselesaikan mengikut cadangan ataupun Rancangan Malaysia Kedua yang mana telahpun diluluskan dalam Dewan ini pada masa yang telah lalu.

Saya berharap pada pihak Kerajaan dengan seboleh-bolehnya dapat mengambil tindakan yang baik di atas perkara ini.

4.30 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang terhormat yang telah memberikan pandangan atas usul ini.

Perkara mengenai saraan minima atau gaji minima—kedua-dua istilah ini selalu digunakan di negeri ini—telah dibangkitkan beberapa kali di Dewan ini di masa yang lalu oleh Ahli-ahli Kerajaan dan Ahli-ahli Pembangkang dan saya telahpun memberi jawapan. Oleh itu, tujuan Akta yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Datuk Keramat, sebagaimana yang terdapat di dalam usulnya itu adalah bukan satu perkara yang baharu dalam Dewan ini. Lebih-lebih lagi sebahagian Ahli Yang Berhormat dari Datuk Keramat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain semua ketahui bahawa Kerajaan telahpun mengadakan gaji minima terhadap beberapa sektor asas di mana keadaan pekerja mereka atau disebabkan beberapa kesukaran amali dalam menubuhkan kesatuan sekerja, pekerja-pekerja adalah dibayar dengan gaji yang rendah. Lebih kurang 160,000 pekerja-pekerja dalam perusahaan-perusahaan Hotel, Bar dan Restoran, perusahaan wayang gambar, pembantu-pembantu kedai, dan beberapa jenis pekerja-pekerja di Pelabuhan Pulau Pinang adalah dilindungi oleh gaji minima berkanun.

Walau bagaimanapun, apa yang berkaitan di sini ialah bahawa ekonomi kita adalah pada asasnya ekonomi pertanian di samping perkembangan perusahaan-perusahaan dan perkhidmatan-perkhidmatan. Masalah utama dari segi sosial dan ekonomi kita ialah kadar pengangguran yang tinggi, adanya kemiskinan di kalangan sebilangan besar rakyat, lebih-lebih lagi yang tinggal di kawasan-kawasan yang kurang maju di Malaysia; tiada persaimbangan di kalangan kaum dan kawasan di negara ini; dan pengenalan kaum mengikut tugas-tugas ekonomi. Bagi mengatasi masalah-masalah ini, Kerajaan telahpun mengadakan Rancangan Malaysia Kedua yang mempunyai dasar ke arah kemajuan

ekonomi dan Dasar Ekonomi Baru yang pesat dan menambahkan peluang-peluang bagi semua pihak dan juga peluang-peluang pekerjaan. Di samping Kerajaan (sektor awam) berusaha ke arah pembangunan (iaitu iklim penanaman modal, kestabilan ekonomi, kemudahan-kemudahan asas atau penyertaan langsung di dalam aktiviti-aktiviti perniagaan melalui badan-badan Kerajaan), pihak swasta juga (lebih-lebih lagi sektor pembuatan) memainkan peranan penting di dalam memenuhi dan melaksanakan usaha-usaha Kerajaan selaras dengan bentuk sistem ekonomi kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tentu sedar bahawa di dalam bentuk demokrasi, penglibatan Kerajaan di dalam aktiviti-aktiviti perbadanan (institutional activities) adalah amat sedikit. Dalam menetapkan gaji, Kerajaan menggalakkan usaha-usaha rundingan bersama sebagai satu asas utama dalam menentukan kadar gaji dan syarat-syarat pekerjaan dan bagi memudahkan hal ini, Kerajaan menggalakkan pembentukan dan perkembangan kesatuan sekerja yang demokratik dan bertanggungjawab. Langkah positif Kerajaan ini adalah jelas dapat dilihat bahawa di samping sejarah perkembangan kesatuan sekerja yang amat pendek di negara ini, sebahagian besar di kalangan mereka yang bekerja adalah mendapat faedah dari kadar gaji dan lain-lain faedah yang dirundingkan oleh kesatuan sekerja. Kadar gaji dan faedah-faedah ini adalah juga memberikan prinsip asas "perbandingan keadilan (comparative—justice) dalam menetapkan gaji di dalam sektor-sektor perusahaan yang tidak mempunyai kesatuan sekerja. Adalah menjadi hasrat dan harapan Kerajaan bahawa dalam jangka masa tertentu, lebih banyak lagi pekerja-pekerja akan mendapat faedah dari kadar gaji dan faedah-faedah yang dirundingkan, dan Ahli Yang Berhormat di Dewan ini akan bersetuju bahawa ini adalah lebih wajar bagi kedamaian perusahaan. Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini juga mungkin sedar bahawa pengalaman yang baru lalu telah menunjukkan, sedangkan dalam bidang di mana terdapatnya buruh berlebihan (dengan kemungkinan gaji rendah) yang menarik lebih banyak perusahaan-perusahaan, kadar gaji mereka adalah diperingkat berpatutan—contohnya kadar gaji dalam perusahaan-perusahaan elektronik di Pulau Pinang yang

dahulunya paling rendah iaitu \$1.75 sehari dalam masa 3 tahun dahulu telah menjadi kira-kira \$4.50 sehari pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha kita menarik penanaman modal ke arah terlaksananya rancangan pembangunan kita, yang bertujuan menghapuskan kemiskinan, dan menaikkan taraf pendapatan semua rakyat Malaysia, perhatian Kerajaan mengenai orang-orang yang bergaji, adalah jelas di dalam banyak langkah-langkah positif Kerajaan—satu dari langkah-langkah itu ialah pemberian elaun saraan khas (special relief allowance) baru-baru ini dan banyak majikan-majikan swasta mengikut contoh ini. Penerimaan Kerajaan tentang keperluan gaji minima atau sara hidup adalah sudah jelas dari gaji-gaji minima yang telahpun wujud dikalangan sektor-sektor asas. Kerajaan telahpun bertindak lebih jauh dengan melantik satu Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji dan meneliti tentang keperluan satu dasar gaji dan pendapatan.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, in our emphasis on capital inflow for the realisation of our Development Plan which promises eradication of poverty and increase of income levels for all Malaysians, Government's concern for the wage-earning population is reflected in many of its positive steps—one such recent step being the lead it gave to the payment of Special Relief Allowance. This lead has been followed by most private employers. Government's acceptance of the need for minimum wage or living wage is already evident from the minimum wages which are already prevalent on sectoral basis. Government has also gone further by appointing a Cabinet Committee to study and rationalise on the need for a wages and incomes policy.

Memandangkan perkara yang disebutkan tadi dan usaha-usaha ke arah pembentukan perpaduan negara dan mewujudkan satu masyarakat yang mamur dan adil dan pertimbangan Kerajaan mengenai keperluan gaji minima kebangsaan, maka usul Ahli Yang Berhormat dari Datuk Keramat itu adalah tidak perlu buat masa ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

USUL-USUL

AKTA EKSAIS, 1961

PERINTAH DUTI EKSAIS (PINDAAN), 1974

4.39 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (3) dalam Seksyen 7, Akta Eksais 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 52 tahun 1974 disahkan.

Perintah ini ialah untuk memberi lanjutan sementara kepada tempoh pembayaran duti ke atas keluaran-keluaran petroliaam untuk meringankan beban "cash-flow" yang dihadapi oleh syarikat-syarikat minyak tempatan ketika mereka memohon kenaikan harga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 52 tahun 1974 disahkan.

ORDINAN EKSAIS, SABAH No. 18 TAHUN 1959

PERINTAH DUTI EKSAIS (PINDAAN), 1974

4.40 *ptg.*

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais, Sabah No. 18

tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 53 tahun 1974 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Eksais (Pindaan) yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini melainkan ia dikenakan kepada Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais, Sabah No. 18 tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 53 tahun 1974 disahkan.

ORDINAN EKSAIS, SARAWAK

PERINTAH DUTI EKSAIS (PINDAAN) (No. 2), 1974

4.42 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais, Sarawak, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 54 tahun 1974 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Eksais (Pindaan) yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini melainkan ia dikenakan kepada Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais, Sarawak, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 54 tahun 1974 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1961

PERINTAH DUTI EKSAIS (PINDAAN) (No. 7), 1974

4.44 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 55 tahun 1974 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk menarik balik cukai eksais yang dikenakan ke atas minyak diesel dan juga minyak tanah supaya harga kedua-dua keluaran petroliaam ini tidak dinaikkan dalam kenaikan harga yang diluluskan dalam bulan Mei yang dahulu. Ini adalah satu-satu daripada usaha Kerajaan untuk meringankan beban kenaikan harga minyak ke atas kumpulan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7 Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7), 1974 yang

telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 55 tahun 1974 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PINDAAN)

(No. 10), 1974

4.25 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 56 tahun 1974 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk menarik balik semua duti impot yang dikenakan ke atas minyak diesel dan minyak tanah. Tujuan penarikan ini adalah sama seperti yang dinyatakan bagi Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1974 yang diluluskan oleh Majlis sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan. dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 56 tahun 1974 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PULAU PINANG) (PINDAAN) (No. 4), 1974

4.46 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan

kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 57 tahun 1974 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1974 yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 57 tahun 1974 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1961

PERINTAH DUTI EKSAIS (PINDAAN) (No. 3), 1974

4.47 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 58 tahun 1974 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk menarik balik kemudahan pembayaran duti eksais yang telah diberi kepada syarikat-syarikat minyak tempatan melalui Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1974 yang telah dilulus oleh Majlis ini sebentar tadi. Kemudahan ini ditarik balik selepas Kerajaan meluluskan kenaikan harga minyak di dalam bulan Mei.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 58 tahun 1974 disahkan.

ORDINAN EKSAIS, SABAH No. 18 TAHUN 1959

PERINTAH DUTI EKSAIS (PINDAAN) (No. 2), 1974

4.48 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais, Sabah, No. 18 Tahun 1959 Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 59 tahun 1973 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3) 1974 yang telah diluluskan oleh Majlis ini tadi, melainkan ianya dikenakan ke Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais, Sabah No. 18 tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan)

(No. 2) 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 59 tahun 1974 disahkan.

ORDINAN EKSAIS, SARAWAK

PERINTAH DUTI EKSAIS (PINDAAN) (No. 3), 1974

4.50 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais, Sarawak, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 60 tahun 1974 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah serupa dengan tujuan-tujuan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1974 yang telahpun diluluskan oleh Majlis ini tadi, melainkan ianya dikenakan ke Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais, Sarawak, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 60 tahun 1974 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PINDAAN) (No. 11), 1974

4.52 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam

Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 61 tahun 1974 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk mengelakkan pengimpot-pengimpot kain jenis mahal daripada mengikrarkan kain-kain mereka sebagai kain kelambu dan oleh itu membayar duti impot yang kurang daripada yang sepatutnya. Ini adalah kerana pada masa ini cukai yang dikenakan ke atas kelambu adalah dengan kadar "\$2.50 bagi tiap-tiap kelambu yang berukuran 13 kaki persegi atau kurang dan bagi tiap-tiap tambahan sebanyak 13 kaki persegi atau sebahagian daripadanya tambahan cukai sebanyak \$2.50". Untuk mencapai tujuan ini kadar duti yang dikenakan itu perlulah dipinda kepada "25% atau \$2.50 tiap-tiap kelambu yang berukuran 13 kaki persegi atau kurang dan bagi tiap-tiap tambahan sebanyak 13 kaki persegi atau sebahagian daripadanya tambahan cukai sebanyak \$2.50 yang mana lebih tinggi."

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 61 tahun 1974 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PINDAAN) (No. 12), 1974

4.55 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11. Akta Kastam, 1967, Perintah

Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 62 tahun 1974 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk meminda nombor-nombor tarif ke atas pelbagai jenis "bar, rods and wire of iron or steel" yang terjatuh di nombor-nombor Am 73.10, 73.14 dan 73.15 pindaan-pindaan ini adalah perlu oleh kerana pada tahun yang lalu pengecualian duti impot telah diberikan melalui Perintah-perintah Kastam yang tertentu ke atas beberapa jenis bahan-bahan ini dengan maksud untuk membanyakkan bekalnya di pasaran tempatan dan juga untuk mengurangkan kos pembinaan. Walau bagaimanapun Perintah-perintah berkenaan itu telah menimbulkan sedikit kekeliruan oleh kerana ada yang memberikan pengecualian mengikut ukuran garis rentas dan ada yang memberikan pengecualian mengikut proses pengeluarannya iaitu samada "hot rolled" ataupun "cold drawn". Oleh kerana pada amalnya adalah sukar bagi pihak Kastam untuk membezakan di antara bahan-bahan jenis "hot rolled" dengan "cold drawn" maka hal ini telah menimbulkan kemungkinan para pengimpot dengan sengaja menyalahkan ikrar bahan-bahan daripada satu jenis kepada yang lainnya dengan maksud untuk mengelakkan daripada membayar cukai yang sepatutnya. Maka untuk mengelakkan daripada berlakunya perkara ini perlulah pindaan dibuat dengan memperuntukkan nombor-nombor tarif baru ke atas bahan-bahan ini berdasarkan ukuran garis rentas beserta dengan proses pengeluarannya dan mengenakan cukai ataupun tidak ke atas bahan-bahan yang tertentu. Selaras dengan pindaan ini di mana sesuai cukai eksport akan juga dikenakan ke atas bahan-bahan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam

Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 62 tahun 1974 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PULAU PINANG) (PINDAAN) (No. 5), 1974

4.58 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 63 tahun 1974 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah serupa dengan tujuan-tujuan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1974 yang telahpun diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 63 tahun 1974 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PULAU PINANG) (PINDAAN) (No. 6), 1974

4.59 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan

kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 64 tahun 1974 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk melanjutkan ke Pulau Pinang cukai impot ke atas bahan-bahan belahan untuk motosikal dan basikal yang terjatuh di bawah No. Tariff 87.06 940, 87.12 100, 87.12 900, 87.13 910, 87.13 920, 87.14 900, 97.01 910 dan 97.01 990. Pada masa ini bahan-bahan yang tersebut itu hanya berduti di atas tanah besar Semenanjung Malaysia dan yang tersebut itu hanya berduti di atas tidak dikenakan di Pulau Pinang. Dengan lanjutan ini, pengenaan cukai impot ke atas bahan-bahan ini akan dapat diseimbangkan di antara Semenanjung Malaysia dan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 64 tahun 1974 disahkan.

ORDINAN EKSAIS SABAH No. 18 TAHUN 1959

PERINTAH DUTI EKSAIS (PINDAAN) (No. 3), 1974

5.00 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais Sabah No. 18

tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 65 tahun 1974 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk mengenakan cukai eksais ke atas kereta-kereta motor yang akan dipasangkan di Sabah selaras dengan apa yang dikenakan di Tanah Besar Semenanjung Malaysia. Pengeranaan cukai ini adalah perlu oleh kerana adanya perusahaan memasang kereta di negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais Sabah No. 18 tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 65 tahun 1974 disahkan.

ORDINAN EKSAIS, SARAWAK

PERINTAH DUTI EKSAIS (PINDAAN) (No. 4), 1974

5.02 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais, Sarawak, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 66 tahun 1974 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3) yang baru sahaja diluluskan tadi oleh Majlis ini melainkan ia dikenakan kepada Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais, Sarawak, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 66 tahun 1974 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PINDAAN) (No. 13), 1974

5.03 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 67 tahun 1974 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk memasukkan perkataan "nil" bertentangan dengan nombor-nombor kepala 87.02. 110, 87.02 210, 87.02 310 dan 87.09 810 di ruangan 7, 8, 9 dan 10 di Jadual Pertama kepada Perintah Duti Kastam, 1968. Nombor-nombor tarif yang disebutkan ini adalah berhubung dengan bahan-bahan kereta yang akan diimpot di dalam bentuk "keadaan tidak dipasang" atau "completely knock down". Dengan ini bahan-bahan kereta ini bolehlah dibawa masuk ke Sabah dan Sarawak tanpa apa-apa cukai impot untuk maksud kerja-kerja pemasangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 67 tahun 1974 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PINDAAN) (No. 14), 1974

5.05 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 68 tahun 1974 disahkan.

Tujuan perintah ini ialah untuk memansuhkan duti ekseptot atas "mouldings" dan lain-lain jenis kayu yang sudah diproses selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan perusahaan memproses kayu tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1974

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 68 tahun 1974 disahkan.

PENANGGUHAN

5.06 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

PASUKAN KESELAMATAN— KEPERCAYAAN PENDUDUK KUALA KANGSAR

5.07 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): (*Dengan izin*) Mr Speaker, on the 27th May, 1974, at 4.00 a.m. two women tappers, Lee Lye May, 26, I.C. No. 1024622 and Wong Yew Kui @ Wong Kwai Kow, 31 years old, I.C. No. 3093629 from Pasang Ulu, Kuala Kangsar were cycling to do their morning tapping when they were shot and killed by Security Forces at Kampung Rebai less than a mile from their homes. Both the women tappers

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, quorum tidak cukup.

(*Loceng dibunyikan, Ahli-ahli dikira, kurang dari 26 hadir*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.10 petang.